



اَبُو سَيِّدِي تَيْكُو لُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**FALKUTI PENGURUSAN MAKLUMAT KAMPUS SEGAMAT  
JOHOR**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA  
TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH WAN HUSAIN  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEPANJANG MENJADI ATLET  
DAN JURULATIH DALAM BOLA TAMPAR**

**NORASIKIN BT MAHAT (2013932935)**

**SITI NORMALINI BT YUNUS (2013583753)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN  
MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR DAN ENCIK  
ZULAZMI BIN ISHAK BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604-DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 5 (MAC - JULAI 2015)**

# ISI KANDUNGAN

## **1.0 ISI KANDUNGAN**

1.0 Isi Kandungan.....	1-2
2.0 Penghargaan.....	3-4
3.0 Abstrak.....	5-6
4.0 Pengenalan .....	7-9
5.0 Biodata	
5.1 Biodata Tokoh .....	10-11
5.2 Biodata Penulis 1 .....	13
5.3 Biodata Penulis 2 .....	14
6.0 Transkrip Wawancara.....	15-55
7.0 Senarai Soalan Wawancara .....	56-64
7.1 Soalan Pengenalan.....	57
7.2 Soalan Umum.....	58-62
7.3 Soalan Spesifik.....	63-64
8.0 Nama Individu Yang Telah Disebut.....	65-66
9.0 Log Wawancara .....	67-69
10.0 Kronologi (Diari Penyelidikan).....	70-71
11.0 Singkatan .....	72-73
12.0 Ralat .....	74-75
13.0 Senarai Rujukan.....	76-77
14.0 Lampiran.....	78-80
15.0 Indeks.....	82-85

# PENGHARGAAN

## **2.0 PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada ALLAH s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dengan izin - Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan berkaitan Tokoh Sukan Segamat. Jutaan terima kasih kepada Encik Wan Hadilah Wan Husain kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual serta kerjasama yang tulus sepanjang menyiapkan tugas ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan. Sesungguhnya kami amat menghargai jasa beliau dalam membantu kami.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada pensyarah kami Encik Zul Azmi bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tanpa tunjuk ajar beliau proses wawancara ini pasti akan menjadi sukar bagi kami.

Tidak dilupa juga, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral dan kewangan bagi memenuhi keperluan tugas yang diberi.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih kepada rakan – rakan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu kami. ALLAH sahaja dapat membalas jasa kalian.

Sekian terima kasih,

Wassalam.

# ABSTRAK

### **3.0 ABSTRAK**

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Wan Hadilah Wan Husain mengenai kerjaya beliau sebagai tokoh sukan bola tampar di Segamat. Temubual ini dijalankan di bilik mesyuarat Bank Simpanan Nasional tingkat 16, Menara TH Selborn, Kuala Lumpur pada 11 Jun 2015 bermula jam 10.00 pagi. Tujuan transkrip ini adalah untuk memberi maklumat berkaitan seorang tokoh sukan Segamat kepada masyarakat khususnya di Segamat serta memberi kesedaran kepentingan sukan bola tampar Malaysia diketengahkan dalam diri masyarakat. Beliau merupakan atlet yang berjaya suatu ketika dahulu sehingga pernah mewakili Malaysia dalam beberapa kejohanan di luar negara dan pernah diangkat sebagai pemain terbaik dalam kejohanan bola tampar Malaysia. Kewibawaan beliau sebagai jurulatih juga tidak dapat disangkal apabila beliau yang berpengalaman luas, berdedikasi dalam menguruskan pasukan di bawah kendalian beliau sehingga pasukan beliau berjaya dan mendapat tempat dalam setiap kejohanan yang diadakan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang berkecimpung dalam dunia sukan bola tampar ini. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh berkecimpung dari seorang atlet sehingga diberi peluang menjadi seorang jurulatih. Beliau juga menerangkan tentang pasukan kendalian beliau dan pencapaian sepanjang menjadi jurulatih.

**Kata Kunci:** Atlet, Jurulatih, Bola Tampar, Encik Wan Hadilah Wan Husain,

# PENGENALAN



#### **4.0 PENGENALAN**

##### **SEJARAH DAN PERKEMBANGAN**

Permainan bola tampar telah direka oleh Professor William G. Morgan (1870 – 1942) pada 9 Februari, 1895 di Young Men's Christian Association (YMCA) Holyoke, Massachusetts, Amerika Syarikat. Permainan ini direka berdasarkan permainan tenis (jaring) dan bola keranjang (bola), dan beliau menamakan permainan baru ini sebagai "Mintonette". Pada tahun 1896, nama tersebut telah ditukar kepada "Volley Ball" setelah cadangan dibuat oleh Professor Alfred T. Halstead, dan diterima oleh Morgan dalam persidangan. Pada tahun 1952, Jawatankuasa Pentadbiran United States Volleyball Association (USVBA) telah memutuskan supaya nama permainan ini dieja sebagai satu perkataan, "Volleyball". Persekutuan bola tampar antarabangsa (Federation Internationale de Volleyball – FIVB) telah ditubuhkan pada tahun 1947. Kejohanan bola tampar sedunia bahagian lelaki yang pertama telah diadakan di Prague pada tahun 1949 manakala Kejohanan bola tampar sedunia yang pertama untuk wanita telah berlangsung di Paris pada tahun 1951. Pada tahun 1957, sukan bola tampar telah diperkenalkan sebagai sukan berpasukan Olimpik dan kemudiannya buat pertama kali dipertandingkan di Sukan Olimpik yang ke-18 di Tokyo pada tahun 1964. Rusia berjaya dalam bahagian lelaki manakala pasukan Jepun mendapat pingat emas dalam acara wanita. Pada masa ini, sukan Bola Tampar ialah salah satu daripada lima jenis sukan antarabangsa yang terbesar di dunia. FIVB kini mempunyai 220 negara yang menjadi ahli gabungan termasuk 53 dari Afrika, 65 dari Asia, 56 dari Eropah, 34 dari NORCECA (North, Central America and the Caribbean) dan 12 dari Amerika Selatan, telah merupakan persekutuan sukan antarabangsa yang paling besar di dunia

##### **PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

###### **i. Kawasan Permainan**

Kawasan permainan merangkumi gelanggang permainan dan zon bebas. Gelanggang permainan adalah satu segi empat yang berukuran 18m x 9m dikelilingi oleh satu zon bebas yang berukuran minimum 3m lebarnya dari tepi gelanggang permainan dan 7m tinggi dari permukaan permainan.

**ii. Garisan Gelanggang Permainan**

Gelanggang permainan ditandakan oleh garisan yang lebarnya 5m. Garisan ini ditandakan oleh dua garisan tepi dan dua garisan hujung. Kesemua garisan ini termasuk dalam ukuran gelanggang permainan. Dua garisan yang lain ialah garisan tengah dan garisan serangan. Garisan tengah berukuran 9m panjangnya dan terletak tepat di bawah jaring manakala garisan serangan dilukis 3m dari paksi garisan tengah menandakan zon depan.

**iii. Zon-Zon dan Kawasan**

Zon Depan Zon ini dihadkan oleh paksi garisan tengah dan belakang garisan serangan. Zon depan dianggap sebagai pemanjangan menjangkau garisan tepi hingga zon bebas. Zon Belakang Zon belakang pula dihadkan dari belakang garisan serangan (tidak termasuk garisan serangan) hingga ke belakang garisan hujung. Zon Servis Zon servis ialah kawasan yang lebarnya 9m di belakang garisan hujung. Zon servis dihadkan oleh 2 garisan pendek setiap satu 15sm panjang dan dilukis 20sm ke belakang garisan hujung sebagai pemanjangan garisan tepi. Zon Penggantian Zon ini dihadkan antara garisan serangan dengan meja pencatat skor. Kawasan Memanaskan Badan Berukuran 3m x 3m terletak pada kedua-dua penjuru bersebelahan bangku di luar zon bebas. Kawasan Penalti Berukuran 1m x 1m dengan sebuah kerusi terletak di kawasan kawalan di luar garisan hujung.

**iv. Kemahiran**

- Servis
- Menyangga
- Setting (Mengumpan)
- Menghadang
- Spiking (merejam)

# BIODATA TOKOH

## **5.1 BIODATA**

### **5.1 BIODATA TOKOH**



**Nama** : Wan Hadilah Bin Wan Husain

**Nama Timbangan** : Eddy

**No/Kp** : 690725-01-5033

**Umur** : 46 Tahun

**Tarikh Lahir** : 25 Julai 1969

**Tempat Lahir** : Johor Bahru

**Bertugas** : JABATAN PERBANKAN CAWANGAN BANK SIMPANAN  
NASIONAL

**Status** : PEMAIN KEBANGSAAN  
KEJURULATIHAN PERINGKAT KEBANGSAAN

**No Tel** : 013 – 3743200

**Alamat** : No. 14 JALAN LILI 4  
SAUJANA UTAMA  
47000 SUNGAI BULOH  
SELANGOR

# BIODATA PENULIS

## **5.2 BIODATA PENULIS 1**



**Nama** : Norasikin Bt Mahat  
**No ID UiTM** : 2013932935  
**Umur** : 22 Tahun  
**Tarikh Lahir** : 13 Ogos 1993  
**Tempat Lahir** : Hospital Sultanah Aminah, Johor Bharu  
**No Tel** : 017 - 2254388  
**Alamat** : No 3706 JALAN JATI 6  
BANDAR PUTRA, 81000  
KULAIJAYA, JOHOR

### **5.3 BIODATA PENULIS 2**



Nama : Siti Normalini Bt Yunus  
No ID UiTM : 2013583753  
Umur : 22 Tahun  
Tarikh Lahir : 8 Mei 1993  
Tempat Lahir : Hospital Segamat, Segamat  
No Tel : 014 - 3844937  
Alamat : No. 130 JALAN BALAU  
BLOK 6, FELDA MAOKIL 4  
85300 LABIS SEGAMAT  
JOHOR

# TRANSKRIP WAWANCARA



## **6.0 TRANSKRIP WAWANCARA**

### **SESI TEMUBUAL SELAMA 2 JAM**

Lokasi : Bilik Mesyuarat Bank Simpanan Nasional di Menara TH Selborn

Tarikh : 11 Jun 2015

Masa : 10.00 pagi

Tokoh : En. Wan Hadilah Bin Wan Husain (WHWH)

Pelajar : Norasikin Binti Mahat (NAM)

Siti Normalini Binti Yunus (SNMY)

### **SESI PERTAMA**

**NAM : Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai Tokoh Sukan Segamat. Bersama saya pada waktu ini ialah Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain, Jabatan Operasi Perbankan Cawangan Bank Simpanan Nasional. Rakaman ini dijalankan di bilik mesyuarat BSN pada sebelas (11) Jun dua ribu lima belas (2015) pada jam sepuluh (10) pagi. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Norasikin Binti Mahat bersama sahabat saya, Siti Normalini Binti Yunus. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut.**

**NAM : Ok. Bolehkah encik memperkenalkan diri?**

**WHWH : Nama saya Wan Hadilah bin Wan Husain. Berumur empat puluh enam tahun (46) tahun. Lahir pada dua puluh lima julai (25) Julai, sembilan belas enam puluh sembilan (1969) di Hospital Johor Bahru. Sekarang saya bertugas di Jabatan Operasi Perbankan Cawangan di Bank Simpanan Nasional bermula daripada tahun sembilan belas lapan sembilan (1989) sehingga kini lah. Aaaa saya lebih dikenali dengan panggilan Eddy oleh kenalan rapat dan rakan sekerja saya.**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

- NAM** : **Apakah sebenarnya cita-cita encik?**
- WHWH** : Cita-cita saya aaaa apa yang saya idamkan selama ni [ini] semuanya telah tercapai. Aaaa untuk mewakili Negara pun saya dah capai dan daripada tahun sembilan belas sembilan puluh (1990) hingga ke sembilan belas sembilan puluh enam (1996).
- NAM** : **Kemudian, siapakah inspirasi utama encik dalam bidang sukan ini?**
- WHWH** : Aaaa dah tentu lah mak bapak [ibu bapa] saya lah. Itu yang utama lah. (Ketawa)
- NAM** : **Adakah sukan ini pekerjaan utama encik?**
- WHWH** : Aaaa tidak. Aaaa kerja saya sama daripada bank. Ok [baiklah], untuk bola tampar ni [ini] adalah yang kedua lah bagi saya.
- NAM** : **Emm. Bilakah encik mula melibatkan diri dalam bola tampar?**
- WHWH** : Saya mula libatkan diri bola tampar sejak zaman sekolah lagi daipada tingkatan satu (1) hingga ke tamat sekolah lah.
- NAM** : **Ada, ada atau tidak sukan lain yang encik pernah libat selain bola tampar?**
- WHWH** : Aaaa ada. Sebenarnya aaaa masa umur saya aaaa sebelas (11) tahun saya dah melibatkan diri saya dengan permainan bola sepak. Dan pada umur saya dua belas (12) tahun, saya pernah mewakili aaaa negeri Johor aaaa untuk Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Sekolah Malaysia di Perlis pada tahun sembilan belas lapan puluh satu (1981). Dan seterusnya tahun aaaa sembilan belas lapan puluh dua (1982), di tingkatan satu (1) saya mula bermain bola tampar.
- NAM** : **Apakah medium utama untuk orang luar menghubungi encik dalam mendapatkan perkhidmatan encik?**
- WHWH** : Aaaa macam mana?
- NAM** : **Aaaa medium lain sebagai contoh mungkin encik ada Facebook ada?**
- WHWH** : Oh saya ada Facebook.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

- NAM** : **Atau no telefon? Atau laman sosial lain?**
- WHWH** : Saya ada Facebook saya. Saya ada laman sosial saya lah untuk menghubungi saya atau pun memerlukan perkhidmatan saya lah untuk mengajar lah.
- NAM** : **Aaaa adakah medium tersebut dua puluh empat (24) jam boleh menghubungi encik atau ada waktu tertentu?**
- WHWH** : Aaaa dua puluh empat (24) jam boleh menghubungi saya.
- NAM** : **Ok. Adakah encik tahu sejarah mengenai bola tampar?**
- WHWH** : Aaaa tahu serba sedikit lah tentang bola tampar ni [ini] lah. Ok [Baiklah], sejarah dia [nya] perkenalkan pada tahun sembilan belas (19) aaaa lapan belas sembilan puluh lima (1895) di Amerika Syarikat oleh Professor William J Morgan aaaa sebagai satu permainan rekreasi. Pada mula nya, bola tampar ni [ini] dikenali dengan nama Montenette dan diubah kepada *Volleyball* [bola tampar]. Aaaa itu yang saya tahu lah setakat tu [itu] je [sahaja] lah sikit-sikit [sedikit] je [sahaja] lah yang tahu pada asas bola tampar ni [ini] lah.
- NAM** : **Kemudian, siapakah tokoh bola tampar yang tersohor di Malaysia bagi encik?**
- WHWH** : Aaaa pada saya tokoh bola tampar ni [ini] aaaa takde [tiada] pada saya lah sebab saya sendiri bermain daripada peringkat awal tu [itu], saya sendiri orang kata berusaha dan yang main [bermain] dan takde [tiada] tokoh yang pada saya lah yang orang kata apa yang saya lihat lah kalau nak dikatakan orang yang lama-lama sebelum ni [ini] aaaa mungkin ada lah kan macam aaaa orang kata aaaa siapa ni [ini] pemain aaaa seperti aaaa Encik Jais aaaa sekarang ni [ini] adalah jurulatih bagi pasukan bola tampar Malaysia lah dan bernaung pada bola tampar Malaysia di MSN lah.
- NAM** : **Sejak bila dan bagaimana encik boleh berkecimpung dalam sukan bola tampar?**
- WHWH** : Sejak bila ehh? Oh sejak daripada tingkatan satu (1) tu [itu] lah yang saya mulakan aaaa sukan bola tampar ni [ini] lah daripada peringkat tingkatan satu (1) tu [itu] saya mula-mula dari peringkat sekolah pastu [selepas itu] daerah dan pergi ke peringkat negeri-negeri. Di tingkatan tiga (3), saya main [bermain] untuk bawah lima belas (15) tahun

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

yang mana terus pergi ke Majlis Sukan Sekolah Sekolah Asia dan seterusnya lah pada umur lapan belas (18) tahun lah. Emmm, saya mula berkecimpung dalam sukan bola tampar aaaa pada masa tu [itu] saya tinggal di Hospital Segamat aaaa yang mana rumah saya ni [ini] bila [apabila] buka pintu je [sahaja] aaaa nampak gelanggang bola tampar aaaa jadi daripada situ saya mempelajari aaaa bola tampar dan pada awal nya, saya main [bermain] aaaa bola tampar ni [ini] menggunakan bola getah aaaa bola getah dan *net* [jaring] saya dulu adalah ampaian baju je [sahaja] aaaa daripada situ aaaa saya belajar main [bermain] bola tampar sebabkan [disebabkan] aaaa orang-orang dewasa menggunakan gelanggang lah gelanggang yang sedia ada. Jadi saya pada masa tu [itu] baru berjinak-jinak dengan bola tampar ni [ini] jadi saya main [bermain] di ampaian baju sebab daripada situ saya boleh dapat dari segi *basic* [asas] untuk aaaa *digging* [membuat hantaran hadapan] ok yang pertama kali untuk bola tampar. Aaaa jadi daripada *digging* [membuat hantaran hadapan] kita boleh pergi ke *setting* [mengumpan] daripada set [umpan] kita boleh pergi ke *spiking* [merejam] jadi *overall* [keseluruhan] nya kat [dekat] situ semua nya dah ada aaaa jadi orang-orang dewasa pada masa tu [itu] di Hospital Segamat aaaa bila [apabila] tengok [lihat] saya, dia nampak [lihat] saya ni [ini] mungkin berbakat. Jadi masa tu [itu] saya memang muda lagi lah nak dibandingkan aaaa orang yang berada di Hospital Segamat kan pada masa tu kan. Jadi, aaaa ajak saya ke tengah ketengahkan saya di bermain lah di gelanggang di gelanggang. Jadi, dalam masa yang singkat saya aaaa dapat aaaa apa yang dia orang [mereka] nak [mahu] lah daripada diri saya jadi daripada situ saya mula bermain lah bola tampar. Aaaa dalam Kejuaraan Bola Tampar tu [itu] pun yang masa umur muda juga aaaa saya telah mewakili, mewakili aaaa Sekolah Tinggi Segamat masa tu saya sekolah di Sekolah Tinggi Segamat aaaa yang mana aaaa tingkatan satu (1), aaaa saya telah mewakili daerah Segamat untuk bawah lima belas (15) tahun aaaa dan tingkatan dua (2), pada masa tingkatan dua (2) pun saya mewakili daerah Segamat aaaa untuk bawah lima belas (15) tahun di tingkatan (3) saya mewakili sekolah daerah Segamat aaaa untuk bawah lima belas (15) tahun dan lapan belas (18) tahun. Aaaa dari situ, daripada situ aaaa bakat saya mungkin dapat dilihat oleh Cikgu Azita aaaa pada masa tu [itu] adalah jurulatih saya lah aaaa daripada asalnya dia pun daripada aaaa Hospital Segamat. Aaaa jadi daripada tingkatan empat (4), aaaa saya telah main [bermain] di bawah lapan belas (18) tahun untuk daerah Segamat dan mewakili MSSN untuk Johor. Masa tu [itu] umur saya baru tujuh belas (17) tahun agak-agak saya lah tujuh belas (17) tahun. Aaaa bila [apabila] saya tingkatan lima (5), aaaa saya mewakili aaaa daerah Segamat aaaa lepas tu [selepas itu] wakil negeri Johor dan seterusnya mewakili Asean School

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

bawah lapan belas (18) tahun. Aaaa dan masa yang sama juga, aaaa tahun lapan puluh enam (86) [1986] tu [itu] saya telah mewakili negeri Johor dan maksudnya naik pangkat terus lah ke senior daripada junior saya pun bawah dua puluh satu (21) tahun saya mewakili negeri Johor dan saya bermain juga terbuka masa tu [itu] adalah SUKMA tahun lapan puluh enam (86) [1986] adalah SUKMA pertama di UM [Universiti Malaya] lah masa tu [itu].

**NAM : Kemudian, aaaa pada ketika itu adakah rakan-rakan encik turut menyertai encik bermain?**

**WHWH :** Aaaaa pada masa tu [itu] aaaa memang ada sebab masa tu [itu] Segamat sendiri aaaa kita aaaa maksud saya zaman-zaman saya telah melahirkan aaaa pemain-pemain yang berbakat pada masa tu [itu]. Aaaa pada zaman saya tu ada empat (4) orang, empat (4) orang daripada Sekolah Tinggi Segamat telah mewakili negeri Johor pada masa tu [itu].

**NAM : Kemudian, dalam keluarga encik siapakah yang mendorong encik untuk berkecimpung dalam sukan bola tampar?**

**WHWH :** Aaaa yang mendorong daripada keluarga saya, mak bapak [ibu bapa] saya lah sentiasa memberi semangat dan dorongan lah. Bila masa pergi bermain, selalu nya orang tua saya yang menghantar saya pergi ke tempat-tempat lah tersebut.

**NAM : Kemudian, siapakah atlet dalam Malaysia yang banyak mempengaruhi pemikiran encik?**

**WHWH :** Aaaa atlet Malaysia eh? Setakat ni [ini] yang saya ada Norazmi Ismail lah yang mana ni [ini] adalah rakan serumah saya lah semasa saya aaaa bermain bola tampar kan.

**NAM : Siapakah idola anda dalam bidang sukan ini?**

**WHWH :** Idola? Idola ni [ini] kalau kata idola tu [itu] saya cakap tadi aaaa sebab saya ni [ini] usaha daripada sendiri jadi idola ni [ini] takde [tiada] tapi aaaa untuk orang kata bersama-sama aaaa menyemarakkan lagi sukan bola tampar ni [ini] adalah rakan serumah saya lah Norazmi Ismail lah yang mana aaaa sama-sama orang kata susah senang tu [itu] orang kata tu sama-sama. Aaaa yang mana pada peringkat awal nya saya aaaa duduk di balai Hospital Segamat kan aaaa jadi di depan rumah saya tu [itu] *court* [gelanggang] bola tampar. Jadi bila saya tengok orang lain main [bermain] apa semua aaaa saya mula *start* [bermula]

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

daripada situ lah. Asas bola tampar aaaa pada awalnya saya bermain di ampaiian baju je [sahaja] kalau nak tahu kan. Aaaa lepas tu [itu] dah berperingkat bila [apabila] saya boleh bermain serba sedikit saya tengok daripada video bila video tu [itu] saya aaaa kerap lah aaaa tengok pada video aaaa World Championship yang mana daripada situ kita dapat mempelajari dari segi lompatan, daripada segi taktikal, daripada segi orang kata *skill* [kemahiran]. Bila [apabila] saya tengok video, petang tu [itu] saya akan usaha buat. Bila [apabila] saya tengok video, petang tu [itu] saya akan usaha buat. Jadi daripada situ saya rasa saya cepat dapat aaaa mempelajari bola tampar ni [ini] lah.

**NAM : Jadi, adakah encik dapat skil permainan bola tampar daripada video atau medium yang lain?**

**WHWH : Aaaa ya saya tengok *skill* [kemahiran] lah aaaa bola tampar ni [ini] biasa nya saya tengok dari video lah. Video [batuk] aaaa daipada tengok daripada *step* [langkah] daripada lompatan, cara *spiking* [merejam], *covering* [menghalang], aaaa *digging* [membuat hantaran hadapan] dan aaaa keseluruhan lah daripada taktikal apa semua lah. Tu [itu] memang saya banyak berkecimpung pada video.**

**NAM : Kemudian, daripada video tersebut, kebiasaannya dari negara Malaysia atau luar negara yang menjadi ilham untuk encik menonton video tersebut?**

**WHWH : Biasanya saya akan tengok video ni [ini] aaaa video luar negara lah aaaa disebabkan dari segi taktikal, dari segi lompatan aaaa saya rasa yang luar negara tu [itu] lebih lagi yang saya boleh dapat lah.**

**NAM : Adakah terdapat aaaa pemain-pemain atau pasukan luar negara yang khusus yang selalu encik tonton video mereka?**

**WHWH : Ada-ada. Selalu saya saksikan saya tengok balik dan bila [apabila] saya main pun adakala saya amek [ambil] video sendiri nak tengok balik saya punya dari segi lompatan, dari segi saya aaaa taktikal saya dan fizikal saya lah betul ataupun tidak.**

**NAM : Bilakah pula encik menjadi atlet sukan bola tampar?**

**WHWH : Aaaa tu [itu] tadi yang saya kata saya mula daripada tingkatan satu (1) lagi. Daripada tingkatan (1) aaaaa pada masa tu [itu] pada tahun sembilan belas lapan puluh dua (1982). Aaaa saya mula bermain bola tampar lah dan bila saya mendapat masuk dalam**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

skwad kebangsaan pada tahun sembilan belas sembilan pulu (1990) aaaa dan seterusnya lah sampai ke sembilan belas sembilan puluh enam (1996).

**NAM : Kemudian, apakah pencapaian tertinggi encik?**

**WHWH :** Pencapaian saya pernah mewakili negara lah. Aaaa tu [itu] lah itu paling tinggi lah bagi saya. [Ketawa] dan lebih kurang enam (6) tahun juga saya buat dalam skuad kebangsaan.

**NAM : Kemudian, apakah tahap pencapaian tertinggi encik?**

**WHWH :** Ok. Tahap pencapaian tertinggi saya aaaa mewakili Malaysia di Kejohanan SEA GAMES aaaa di Philippines [Filipina] aaaa pastu [selepas itu] main [bermain] di Kejohanan Asia Pasifik di Fukuoka, Jepun. Aaaa lepas tu [selepas itu] bermain bola tampar pantai Kejohanan International Beach Volleyball Series di Boracay Island, Philippines [Filipina]

**NAM : Bolehkah encik kongsi pencapaian bermain bola tampar yang sentiasa encik ingat?**

**WHWH :** Saya mula main [bermain] dari tahun sembilan belas lapan puluh enam (1986) sehingga dua ribu tiga (2003). Pada tahun sembilan belas lapan puluh enam (1986), saya pernah mewakili negeri Johor diperingkat MSSN di Kelantan. Aaaa SUKMA pertama di UM [Universiti Malaya], Kuala Lumpur dan ke peringkat kebangsaan. Selama dua (2) tahun tu juga saya mewakili negeri Johor dalam SUKMA dan juga peringkat kebangsaan sehingga sembilan belas sembilan puluh lapan (1988). Selepas tu [itu], tahun sembilan belas sembilan puluh lapan (1989) saya berhijrah ke Kuala Lumpur dan bermain di peringkat kebangsaan untuk Kuala Lumpur. Pada ketika itu, aaaa tahun sembilan belas (19), sembilan belas (19) aaaa sembilan belas lapan puluh sembilan (1989) hingga sembilan belas sembilan puluh dua (1992). Aaaa pada tahun sembilan belas sembilan puluh tiga (1993), saya mewakili aaaa negeri Kelantan sehingga sembilan belas sembilan puluh enam (1996). Ok [Baiklah], aaaa untuk pasukan negara saya mewakili pada tahun sembilan belas sembilan puluh satu (1991). Aaaa kejohanan yang saya ketika itu adalah aaaa SEA GAMES eh, SEA GAMES di Manila. Dan aaaa Kejohanan Asia Pasifik di Fukuoka, Jepun. Aaaa untuk Kejohanan Asia Pasifik Fukuoka, Jepun ni [ini] setiap tahun kejohanan ni [ini] aaaa Malaysia dijemput aaaa di Kejohanan di Jepun tu [itu] lah di Fukuoka, Jepun tu [itu] lah. Setiap tahun ada kejohanan

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

disana dan aaaa pada tahun sembilan belas sembilan puluh dua (1992), di kejohanan pergi main [bermain] di Vietnam aaaa Kejohanan Vietnam Open. Aaaa ha ok [Baiklah].

**NAM : Kemudian, 'Kelantan Rampas Gelaran'. Berdasarkan tajuk artikel tersebut, yang pernah diterbitkan dalam sebuah surat khabar. Bilakah encik menyertai pasukan bola tampar untuk negeri Kelantan?**

**WHWH :** Saya mula mewakili negeri Kelantan pada tahun sembilan belas sembilan puluh tiga (1993) aaaa dan masa tu aaaa ada sikit [sedikit] krisis lah di Kuala Lumpur dan saya berhijrah di negeri Kelantan dan bermain untuk pasukan negeri Kelantan. Alhamdulillah, pada masa tu [itu] aaaa Kelantan menjadi juara lah Johan tiga (3) tahun berturut-turut dan semasa itu juga, pasukan negeri Kelantan dipilih sebagai pasukan terbaik. Aaaa negeri Kelantan.

**NAM : Apakah faktor yang mendorong encik untuk terlibat sebagai pasukan dibawah negeri Kelantan?**

**WHWH :** Aaaaa faktor dia [nya] dari segi pengurusan. Pengurusan aaaa semasa tu [itu] aaaa pengurusan negeri Kelantan aaaa oleh Encik Yen kalau tak silap saya En Yen lah. Aaaa dia menguruskan pasukan negeri Kelantan dengan teratur dan orang kata dengan satu (1) pasukan yang terbaik. Aaaa tu [itu] yang membuatkan faktor dan minat saya berada di Kelantan lah pada masa tu [itu].

**NAM : Kemudian, apakah kehebatan encik lihat daripada pasukan Kuala Lumpur semasa encik bermain untuk Kelantan?**

**WHWH :** Aaaa, di Kuala Lumpur masa tu aaaa Kuala Lumpur aaaa dari segi pengurusan. Aaaa pengurusan yang mana aaaa lama-kelamaan sebab semasa saya di Kuala Lumpur saya pernah bermain di sana aaaa tiga (3) tahun juga Johan berturut-turut tapi pihak pengurusan aaaa tidak memandang lah pada pemain-pemain yang ada pada masa tu [itu]. Jadi, aaaa pemain-pemain di Kuala Lumpur sendiri ada terdiri daripada anak Kelantan dan saya asalnya saya daripada Johor juga aaaa telah berhijrah ke negeri Kelantan yang mana telah ditawarkan aaaa pada pengurusan negeri Kelantan untuk bermain untuk Kelantan lah pada masa tu [itu].



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**NAM : Semasa encik bermain untuk Kelantan, adakah pasukan pemain Kuala Lumpur lebih bagus dari Kelantan?**

**WHWH :** Aaaa, saya rasa semasa saya main [bermain] untuk Kelantan aaaa pasukan Kuala Lumpur sedikit terjejas lah pada masa tu [itu] sebab aaa majoriti pemain-pemain yang berada di Kuala Lumpur pada masa tu [itu] kebanyakan berhijrah ke Kelantan dan pada masa itu pun aaaa saya pernah diambil tindakan untuk aaaa daripada pasukan Kuala Lumpur pada ketika itu aaaa masa Kejohanan pertama lah di Mentakab dekat Kebangsaan di Mentakab. Dimana itu adalah pada tahun sembilan belas sembilan puluh tiga (1993) tu, tahun pertama saya mewakili Kelantan. Kejohanan pertama aaaa lawan dengan pasukan Sarawak pada ketika itu saya tak [tidak] dapat bermain aaaa disebabkan aaaa pasukan Kuala Lumpur membuat satu (1) protes lah tentang diri saya lah sebab saya dikata berasal daripada Johor dan tak dibenarkan bermain untuk pasukan negeri Kelantan. Tapi [tetapi] pada malam tu [itu] pada mesyuarat aaaa diadakan daripada pasukan Kelantan, Johor aaaa Kuala Lumpur yang diketuai oleh Persatuan Bola Tampar Malaysia MAVA aaaa dengan setuju lah saya dibenarkan bermain untuk negeri Kelantan dengan bayaran pampasan lah yang mana Kelantan membayar pampasan kepada pasukan negeri Johor pada ketika itu.

**NAM : Bagaimana pula dengan pencapaian bermain bola tampar pantai yang sentiasa encik ingat?**

**WHWH :** Aaaa untuk permainan bola tampar pantai yang saya ingat saya pernah mewakili negara di Kejohanan aaaa International Beach Volleyball Series di Boracay Island, Philippines [Filipina]. Aaaa pada masa tu [itu] aaaa ini adalah kenangan manis lah sebab Kejohanan ni bermain dengan *the world* [dunia] *the world* [dunia] maksud dia [nya] daripada Amerika, USA, Brazil aaaa Australia kebetulan satu (1) *group* [kumpulan] dengan Malaysia dan pencapaian saya. Kenangan manis saya menang dengan Australia pada masa tu [itu] dan menang dengan Vietnam walaupun kalah dengan USA. Aaaa dalam Kejohanan tu [itu], Malaysia dapat tempat yang ke tiga belas (13) daripada dua puluh empat (24) negara yang main [bermain] lah pada masa tu [itu].

**NAM : Aaaa kemudian apakah jenis-jenis ganjaran yang encik peroleh sama ada dalam bentuk kewangan ataupun bantuan?**

**WHWH :** Aaaa pada masa Kejohanan Beach Volleyball Beach Volleyball Boracay Island yang dapat masa tu [itu] adalah segi bentuk wang tunai. Wang tunai yang

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

mana masa tu [itu] aaaa dollar eh dollar US lah. Aaaaa bila [apabila] dibagikan kepada empat (4) orang, empat (4) orang ermm dapat dalam masa tu [itu] tahun sembilan belas sembilan puluh empat (1994) tu [itu] aaaaa sorang [1 orang] dalam dekat enam (6) ribu lah. Enam (6) ribu pada masa tu [itu] kira besar juga lah masa tu [itu] kan pada tahun sembilan puluh empat (94) [1994] jika nak dibandingkan dengan sekarang kan kalau sekarang enam (6) ribu tu [itu] kira sedikit je [sahaja] kan. (ketawa). Dulu [dahulu] tu [itu] kira besar lah, macam-macam boleh beli kan masa tu [itu] dan buat penabungan la masa tu [itu].

**NAM : Kemudian, apakah perbezaan bola tampar dan bola tampar pantai?**

**WHWH :** Bola tampar kalau ikut gelanggang dengan bola tampar pantai ni [ini] ada perbezaan dia [nya]. Ok aaaa sebagai contoh bola tampar pantai bila [apabila] kita orang *attacking* [menyerang]. Kita sentuh, kita *blocking* [menghalang] ea sentuh bola dan lagi satu (1) kalau bola tampar gelanggang ni [ini] dia [ia] masih lagi kosong maksud dia [ia] kita boleh main [bermain] tiga (3) kali lagi tapi [tetapi] bila bola tampar pantai ni [ini] dia [ia] dah dikira satu (1) jadi kita boleh ada dua (2) lagi untuk kita, kita balas balik lah pada pihak lawan lah. Perbezaan dia [ia] aaaa dari segi ukuran gelanggang pun berbeza dari segi *attacking* [menyerang] pun berbeza. Kalau di gelanggang mungkin kita boleh ambil *step* [langkah] tiga (3) *step* [langkah] untuk kita melompat. Bila di pantai ni [ini] pasir jadi bila [apabila] pasir ni [ini] sedia maklumlah kita tak [tidak] boleh nak lompat lah ikut *step* [langkah] jadi kita kebanyakan kita ni [ini] aaaa *sport jump* [lompatan sukan] ataupun dua (2) *step* [langkah] kita dah melompat. Banyak bezaan [perbezaan] lah.

**NAM : Apakah manfaat yang encik peroleh daripada penyertaan luar negara ketika menjadi atlet?**

**WHWH :** (Batuk). Em aaaa manfaat dia [ia] ea, bila [apabila] wakil negara eh bila [apabila] jadi atlet ni [ini] em – apa?

**NAM : Kemungkinan encik dapat penghargaan atau dikenali oleh atlet-atlet lain ke macam mana [bagaimana]?**

**WHWH :** Oh macam tu [itu]. Aaaa biasanya dikenali lah daripada atlet-atlet lain lah seperti daripada Indonesia, Vietnam (batuk) dan banyak negara-negara lain pun ada mengenali lah aaaa.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**NAM : Kemudian aaaa ada tidak atau tidak encik mendapat aaaa pengajaran ataupun dapat belajar sesuatu daripada atlet-atlet lain. Mungkin mereka ada mengajar tentang skill-skill [kemahiran]?**

**WHWH : Aaaa ada. Jap [kejap/sebentar] bila [apabila] kita sebagai atlet bila [apabila] kekadang kita satu-satu Kejohanan yang besar biasa nya kita akan berkampung. Bila [apabila] kita berkampung ni [ini], aaaa jadi kita akan berkongsi lah apa-apa jenis sukan pun kita akan berkongsi bersama lah. Jadi memang ada lah benda tu [itu] semua.**

**NAM : Sebagai atlet Malaysia, adakah encik rasa corak permainan luar negara berbeza dengan corak permainan permain Malaysia?**

**WHWH : Aaaa memang ada. Kalau ikutkan dari segi taktikal tu [itu] memang ada aaaa memang ada aaaa dari segi fizikal pun pun ada. Maksud saya kita saiz, saiz orang Malaysia ni [ini] orang kata tak [tidak] terlalu tinggi kan nak dibandingkan dengan luar negara yang tinggi-tinggi dan orang kata fizikal dia yang tegap dan mantap lah. Jadi kalau pasukan Malaysia ni [ini] kalau nak lebih maju kita kena banyak pada taktikal. Itu pandangan saya lah.**

**NAM : Boleh nyatakan apakah resepi kejayaan encik selama berkecimpung dalam bidang ini?**

**WHWH : Resepi kejayaan ni [ini] perlu kita ada lah usaha sendiri lah. Jangan kita tumpukan pada jurulatih sahaja. Apa yang jurulatih ajar biasa nya kita balik kita akan buat dan kita akan usaha sendiri dari segi lompatan apa yang kita rasa diri kita ada kekurangan. Kalau rasa segi lompatan, mungkin kita akan buat *weight training* [latihan berat] sendiri ataupun aaaa kita melebihi kita punya *speed* [kelajuan]. Dalam bola tampar ni [ini] kita tak perlu keraskan badan, dalam bola tampar ni [ini] kita sebenarnya ada kelembutan. Aaaa lembut pun bukan lembut orang kata lembik ke apa (ketawa). Lembut tu [itu] dari segi pergerakan kita lah. Tu [itu] semua mesti ada.**

**NAM : Dimanakah pula tempat yang selalu encik melakukan aktiviti sukan ini?**

**WHWH : Aaaa pada zaman saya, aaaa masa tu [itu] di aaaa Kompleks Kampung Pandan. Sekarang ni kalau nak di ikutkan aaaa tempat pun dah banyak kan. Dah macam dari segi MSN dekat Bukit Jalil ada di dewan-dewan lah. Masa zaman saya tu [itu] di serba**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

kekurangan sebenarnya serba kekurangan tak nak dibandingkan dengan pada zaman orang kata tahun dua ribu lima belas (2015) ni [ini] lah dan bila [apabila] kita buat *weight training* [latihan berat] ni [ini] dulu pun di Majlis Sukan Negara dekat aaaa Kampung Baru nak berbandingkan sekarang ni [ini] aaaa yang serba lengkap di aaaa MSN, Bukit Jalil kan. Aaaa tu [itu] je [sahaja] lah yang ada lah. (batuk)

**NAM : Berapa kali encik berlatih?**

**WHWH :** Biasanya seminggu lima (5) hari. Aaaa sesi tu [itu] ada dua (2) kali pagi dan petang. Biasa nya pagi kita akan buat pukul lapan tiga puluh (8.30) sampai sebelas tiga puluh (11.30). Aaaa petang tu pukul dua tiga puluh (2.30) sampai ke lima tiga puluh (5.30) lah.

**NAM : Adakah encik mengambil berang berat tentang pemakanan encik demi sukan bola tampar ini?**

**WHWH :** Aaaa dari segi makanan ni [ini] memang ada lah. Kita kena jaga dari segi pemakanan tu [itu] aaaa diberi vitamin kan aaaa tu [itu] semua daripada Majlis Sukan Negara. Yang akan menjaga makanan kita dan kita pula makanan ni [ini] kita kena perlu jaga bila dah hampir pada Kejohanan. Kita kena meringankan berat badan kita jadi kita banyak pada mineral lah pada air dan buah-buahan kan apa semua untuk meringankan badan. Sebagai contoh aaaa yang utama pisang. Setiap kali tu [itu] pisang mesti ada untuk kita makan.

**NAM : Pernahkah encik mengalami kecederaan semasa bermain bola tampar?**

**WHWH :** Aaaa pernah. Ok [Baiklah], kecederaan yang saya alami adalah *ankle* [pergelangan kaki] dan bahu lah. Aaaa yang paling teruk sekali bahu saya aaaa yang mana bahu saya aaaa memerlukan pembedahan lah pada ketika itu kan. Aaaa kos pembedahan dia [nya] adalah sembilan belas (19) ribu lima (5) ratus lah dan saya buat bahu saya ni [ini] di Glanical aaaa Kuala Lumpur aaaa dia [ia] makan masa kecederaan ni [ini] lama lah yang mana enam (6) bulan juga untuk bahu saya lali untuk pulih sepenuhnya. Dan kini dah boleh bermain baik lah sedia kala. Aaaa untuk *ankle* [pergelangan kaki] ni [ini] aaaa saya pernah mengalaminya sebelum sehari saya bernikah masa tu [itu] kan. Tu [itu] adalah kenangan manis juga lah katakan aaaa bila kaki kita terpelecek lah masa tu [itu] masa melompat, *landing* [mendarat] tak [tidak] betul. Tu [itu] punca dia [nya] lah aaaa jadi aaaa *ankle*

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

[pergelangan kaki] ni [ini] memakan masa selama tiga (3) bulan juga lah untuk pulih sepenuhnya. Aaaa sebab *ankle* [pergelangan kaki] ni [ini] daripada kaki jadi dia [ia] membawa bebanan badan kita untuk nak menstabilkan [mengimbangkan], memang memakan masa yang lama untuk nak baik lah. Ok .

**NAM : Aaaa adakah aaaa kecederaan yang encik alami membataskan encik untuk menjalani kehidupan seharian?**

**WHWH : Aaaa nak ikutkan pada masa tu [itu] memang terbatas lah sebab aaaa berehat lama kan. Cuti MC [Sijil Cuti] pun lama masa tu [itu] sebab duduk dalam wad. Aaaa masa untuk pembedahan tu [itu], aaaa dibahu selama seminggu dan selebihnya dirumah dan untuk membaik pulih semula bahu ni [ini] setiap hari nak katakan setiap minggu empat (4) hari saya pergi ke Hospital Glanical balik semula untuk membuat fisioterapi lah untuk menguatkan balik otot-otot tangan kan aaaaa.**

**NAM : Aaaa jadi, semasa encik cedera, adakah terdapat orang yang menggantikan encik untuk menyertai pasukan bola tampar?**

**WHWH : Aaaa semasa saya cedera, aaaa setiap pasukan mesti ada pemain gantian. Jadi, aaaa dekat situ, takde [tiada] masalah lah pada, pada pasukan yang daripada maksud saya daripada bank ataupun aaaa Malaysia ke ataupun apa memang ada setiap pemain ada pengganti dia [nya] lah. Dan bila [apabila] kita dah pulih sediakala, itu atas dasar pihak jurulatih menilaikan diri kita kan antara kita ni [ini] layak ada berada di dalam skuad ataupun tidak lah. Jadi, bila [apabila] kita kena usaha lah dari segi fisioterapi, kena buat supaya kuatkan balik otot-otot tangan kita kan. Aaaa untuk boleh terus bermain lah.**

**NAM : Kemudian, aaaa siapakah yang menjaga encik pada waktu itu?**

**WHWH : Aaaaa dah tentulah isteri saya lah kan. Isteri saya yang menjaga saya lah di hospital selama seminggu aaaa selepas tu [itu] dirumah biasa anak-anak pun ada bersama kan.**

**NAM : Adakah aaaa pasukan ataupun jurulatih encik aaaa datang untuk menziarahi encik?**

**WHWH : Aaaa ada dia orang [mereka] yang mana aaaa jurulatih dan pemain-pemain rakan-rakan semua ada datang ke rumah lah untuk melihat saya dan menziarahi saya lah.**

**NAM : Kebiasaannya berapa lama masa untuk pulih dari kecederaan?**

WHWH : Aaaa kalau bahu tu [itu] makan masa yang lama aaaa lebih kurang dalam tiga (3) atau bulan empat (4) bulan. Kalau *ankle* [pergelangan kaki] pun sama sebab *ankle* [pergelangan kaki] dia [ia] membawa bebanan badan, berat badan kita. Jadi kalau *ankle* [pergelangan kaki] tu pun memakan masa yang lama. Kalau jari tu [itu] biasanya dua (2) minggu tu [itu] dah dah ok lah takde [tiada] masalah lah sebab dia [ia] bengkak je [sahaja] lah kan. Takde [tiada] masalah.

**NAM : Kemudian apakah halangan terbesar yang dialami selama berada di dalam bidang ini?**

WHWH : Halangan terbesar saya bila [apabila] kita mengalami kecederaan lah. Bila [apabila] mengalami kecederaan ni [ini] jadi masalah yang besar lah tak [tidak] boleh nak *training* [latihan], tak [tidak] boleh nak bersama kan untuk dengan rakan-rakan bila [apabila] menjalani latihan kan. Itu mengalami halangan terbesar saya lah.

**NAM : Adakah masa menjadi halangan terbesar?**

WHWH : Ya, masih ada.

**NAM : Kemudian, apakah kekuatan yang encik miliki semasa bermain bola tampar?**

WHWH : Kekuatan yang saya ada dari segi *spiking* [merejam] saya. Aaaa *spiking* [merejam] saya nak meng aaaa ada kekuatan lah dekat situ disebabkan aaaa dari segi kelajuan bola. Aaaa itu adalah kekuatan saya lah dan aaaa segi aaaa *receiving* [menerima] yang mana aaaa bila [apabila] kita main [bermain] bola tampar ni [ini] kita ada untuk *digging* [membuat hantaran hadapan] bola kan jadi kita kena *digging* [membuat hantaran hadapan] bola tu [itu] dengan terbaik lah untuk kita buat *attacking* [menyerang]. Itu adalah kekuatan saya lah.

**NAM : Bolehkah jelaskan sedikit tentang skill [kemahiran] asas yang penting dalam bola tampar?**

WHWH : Aaaa dalam yang asas kemahiran bola tampar ni [ini] aaaa kita mesti ada *digging* [membuat hantaran hadapan], kita ada *spiking* [merejam], kita mesti ada *setting*

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

[mengumpan] dan kita mesti ada *receiving* [menerima] dan *servis* [membuat hantaran]. Tu [itu] semua adalah asas-asas yang utama lah. Aaaa lagi kalau nak main [bermain] bola tampar ni [ini] jadi pemain yang terbaik kita mesti ada semua aspek ini. Daripada servis [membuat hantaran] semua mesti ada.

**NAM : Apakah skill [kemahiran] yang paling sukar di dalam bola tampar untuk encik lakukan?**

**WHWH :** Kalau ikutkan skill [kemahiran] ni [ini] yang susah yang sukar ni [ini] adalah taktikal apabila taktikal em (batuk) diarahkan oleh jurulatih sebab taktikal ni [ini] (batuk) em bermacam-macam corak yang perlu kita dimainkan. Jadi kat [dekat] situ yang ada kesukaran lah bila [apabila] sebab kita sebagai *spiker* [orang yang membuat hantaran hadapan] kita akan dapat bola daripada receiver [orang yang menerima], daripada receiver [orang yang menerima] pula pergi ke *setter* [orang yang mengumpan], *setter* [orang yang mengumpan] akan bagi bola pada *spiker* [orang yang membuat hantaran hadapan] untuk kita jadi kalau *setter* [orang yang mengumpan] tak [tidak] boleh bagi bola pada spiker [orang yang membuat hantaran hadapan] macam mana *spiker* [orang yang membuat hantaran hadapan] nak *attack* [menyerang] bola tu [itu] kan. Jadi, dari segi kesukaran tu [itu] adalah dari segi taktikal lah. Em (batuk).

**NAM : Adakah berbaloi untuk menjadi ahli sukan?**

**WHWH :** Rasa nya berbaloi sebab cita-cita saya tercapai. Pada saya memang berbaloi lah. Sebab minat saya pun dari kecil lagi kan. Aaaa untuk mewakili negara apa jua sukan takde [tiada] masalah bagi saya aaaa (ketawa).

**NAM : Kemudian, apakah kepuasan yang encik peroleh apabila menceburi bidang ini?**

**WHWH :** Kepuasan saya memang betul-betul puas lah sebab bila [apabila] kita mewakili negara ni [ini] kita dapat pergi ke tempat orang kan berhijrah ke negara-negara orang lepas tu [selepas itu] mempelajari dari segi permainan aaaa dari pihak lawan. Pada saya itu semua adalah aaaa terbaik lah pada diri saya lah bila [apabila] kita dapat menceburi satu-satu bidang kan.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**NAM : Siapakah jurulatih pertama encik semasa menjadi atlet?**

**WHWH :** Aaaa jurulatih saya pertama sekali semasa saya jadi atlet adalah Cikgu Azita, cikgu ni [ini] pun daripada Segamat ea kalau nak tahu ea dia ni [ini] pun pernah mengajar di Sekolah Batu Anam, Segamat kalau tak [tidak] silap saya lah pada masa tu [itu] sebab zaman ni [ini] zaman ni [ini] dah masa muda-muda dulu kecil kan. (Ketawa) aaaa Cikgu Azita.

**NAM : Mengapakah encik berminat untuk menjadi seorang jurulatih?**

**WHWH :** Aaaa saya berminat menjadi jurulatih ni [ini] sebab aaaa saya ingin melahirkan pemain yang mana yang boleh saya menaikkan nama nya, nama dia orang ni [ini] lah. Aaaa tu [itu] yang saya berminat sangatlah nak jadi jurulatih sebab apa yang ada pada saya bakat saya, saya akan cuba curahkan kepada pemain saya lah.

**NAM : Bilakah pula encik menjadi jurulatih untuk yang pertama kali?**

**WHWH :** Aaaa saya mula jadi jurulatih pada tahun sembilan belas lapan puluh tujuh (1987). Aaaa saya pernah mengajar subjek Kokorikulum lah bola tampar di IT aaaa apa ni [ini] UiTM Segamat, Johor. Pada masa tu [itu] kan ada dua (2) sem kalau tak [tidak] silap saya lah masa tu [itu] saya mengajar dan bila [apabila] saya datang ke KL ni [ini] macam-macam macam aaaa jabatan juga yang saya bawa macam FELCRA, FELDA aaaa banyak lagi lah yang saya bawa lah masa jadi jurulatih ni [ini] dan sekarang ni [ini] saya mengajar di UI UiTM aaaa ni [ini] UIA, UIA eh di Gombak.

**NAM : Adakah encik menjadi jurulatih sehingga sekarang?**

**WHWH :** Ya, saya masih lagi menjadi jurulatih sehingga sekarang yang mana kontrak saya bersama aaaa UIA di Gombak em dah setakat ni [ini] dah tujuh (7) tahun lah saya bersama.

**NAM : Pada anggaran encik, sehingga umur berapakah encik akan terus menjadi jurulatih?**

**WHWH :** Aaaa setakat saya termampu lagi lah orang kata. (ketawa)



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**NAM : Adakah encik masih bergiat aktif walaupun sudah menjadi jurulatih?**

**WHWH :** Ya, saya masih bergiat aktif lagi walaupun saya jurulatih dan sekarang ni [ini] umur saya empat puluh enam (46) tahun, saya masih bermain lagi untuk aaaa jabatan saya yang mana Bank Simpanan Nasional. Setakat ni [ini] masih lagi bermain dan aaaa untuk aaaa veteran, pemain veteran masih lagi berkecimpung untuk veteran Kuala Lumpur dan veteran Malaysia masih bermain.

**NAM : Kemudian, apakah perbezaan yang encik rasa semasa menjadi atlet dengan menjadi seorang jurulatih untuk sebuah pasukan?**

**WHWH :** Aaaa perbezaan dia [nya]. Ok [Baiklah], aaaa perbezaan dia [nya] masa kita main [bermain] ni [ini] kita menerima arahan. Ok bila [apabila] jadi jurulatih ni [ini] kita pula membagi arahan. Aaaa itu lah perbezaan nya lah.

**NAM : Adakah Segamat merupakan tempat pertama encik menjadi jurulatih?**

**WHWH :** Aaaa ya, betul di Segamat.

**NAM : Mengapakah tidak menjadi jurulatih di Segamat sahaja? Kenapa perlu pergi ke Kuala Lumpur?**

**WHWH :** Aaaa sebab saya aaaa berhijrah ke Kuala Lumpur disebabkan bekerja di Bank Simpanan Nasional pada tahun sembilan belas lapan puluh Sembilan (1989). Jadi bila [apabila] dah kerja di Kuala Lumpur ni [ini] jadi alternatif saya utama saya kena cari di Kuala Lumpur je [sahaja] lah.

**NAM : Kemudian, di Kuala Lumpur adakah encik tertumpu pada satu (1) tempat sahaja untuk menjadi jurulatih?**

**WHWH :** Aaaa setakat ni [ini] di Kuala Lumpur je [sahaja]. Ya, memang satu (1) tempat je [sahaja] lah sebabkan di tempat orang kata yang dekat ngan [dengan] tempat tinggal saya kan. Tu [itu] yang kan di Kuala Lumpur sahaja lah tak [tidak] keluar ke mana lah.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**NAM : Kemudian, apakah kelayakan yang ada pada encik sehingga terpilih untuk menjadi jurulatih?**

**WHWH : Aaaa kelayakan ni [ini] kita ada perlukan sijil, sijil jurulatih lah daripada peringkat kebangsaan. Aaaa sijil tu [itu] saya ada lah.**

**NAM : Em adakah berbaloi untuk menjadi seorang jurulatih?**

**WHWH : Em berbaloi sebab bila [apabila] kita jadi jurulatih ni [ini] kita aaaa cuba apa ni [ini] orang kata em mendidik lah mendidik pemain-pemain yang mana kita melatih dia supaya ianya boleh pergi sejauh mana dia nak lah.**

**NAM : Adakah encik rasa peranan jurulatih sangat memberikan impak yang besar?**

**WHWH : Ya, memang memberikan semangat aaaa impak yang besar sebagai jurulatih.**

**NAM : Kemudian, jika encik bukan seorang jurulatih, siapakah encik sekarang?**

**WHWH : Aaaa mungkin saya jadi orang biasa ataupun menjadi aaaa sebagai pemain sahaja.**

**NAM : Maka, wawancara untuk sesi pertama ini berhenti disini. Kemudian akan disambung sebentar sahaja lagi.**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

### SESI KEDUA

**SNMY** : Bersama saya Siti Normalini Bt Yunus, yang akan mengambil alih wawancara ini untuk sesi kedua.

**SNYM** : Adakah terdapat sebarang kekangan atau masalah kerana encik menjadi pegawai bank dan dalam pada masa yang sama menjadi jurulatih bola tampar?

**WHWH** : Ermmm. Kekangan tu [itu] tak [tidak] ada sebab saya membahagikan masa tu [itu] aaaa untuk kerja pada waktu kerja pagi daripada lapan tiga puluh (8.30) hingga lima tiga puluh (5.30) lah. Jadi waktu mengajar tu [itu] biasanya saya akan amik [ambil] malam lah (batuk).

**SNYM** : Apakah penekanan utama yang encik terapkan untuk meningkatkan pencapaian sesebuah pasukan?

**WHWH** : Aaaa. Untuk Penekanan utama saya adalah diri saya sendiri yang mana bila saya mengajar satu pasukan ok [baiklah] saya aaaa menggunakan psikologi lah. Psikologi yang mana saya akan tengok pada setiap individu \_ \_ \_ individu pemain tu [itu] antara ada *basic* [asas] ataupun tak [tidak] ada *basic* [asas]. Ok [baiklah] kalau yang tak [tidak] ada *basic* [asas] ni [ini] biasanya psikologi saya, saya akan membuat sedikit *fitness* [kecergasan] lah. *Fitness test* [Ujian kecergasan] aaaa ujian untuk buat *speed* [kelajuan] ataupun kecer kecergasan yang segi orang kata aaaa dengan bola apa semua kan jadi kalau sekiranya setiap individu tu [itu] dia berminat dia akan datang keesokan harinya dia akan datang. Aaaa itu adalah sikap setiap pemain lah yang ada yang kita boleh nampak .tapi sekiranya pemain ni [ini] dia dah [sudah] ada *basic* [asas] bila kita mengajar satu pada pasukan ni [ini] dieorang [mereka] lebih mudah mudah aaaa orang kata dapat mengikut apa cara yang kita mengajar lah. Aaaa yang tu [itu] yang saya terapkan lah. Satu lagi kebolehan saya kebolehan saya, saya boleh tengok \_ \_ \_ pada individu. Individu pemain tu [itu]. Aaaa apa corak yang dia suka maksud dia [ia] dari segi *attacking* [menyerang] aaaa kedudukan tangan dia aaaa saya boleh membetulkan dalam masa aaaa seminggu saya dapat membetulkan aaaa tangan untuk seseorang pemain tu [itu] jadikan dia memukul bola aaa dengan betul cara yang betul dan aaaa untuk *basic* [asas] *basic* [asas] untuk *digging* [membuat hantaran hadapan] aaaa saya pun aaa boleh melatih biasanya aaaa pasukan yang

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

pemain yang kosong ea.. maksudnya yang tak [tiada] ada *basic* [asas] langsung maksud dia [ia] dari peringkat sekolah tak [tidak] pernah main, ataupun ni [ini] aaaa dalam masa sebulan saya dah boleh mengajar aaa pemain ni [ini] dah [sudah] mahir untuk *digging*[membuat hantaran hadapan] dengan cara duduk di kerus[kerusi] di bangku ea, di bangku tangan keadaan tangan yang lurus dan saya sebagai jurulatih saya akan melontar bola kepada pemain tu [itu] jadi pemain itu akan hantar balik bola tu [itu] ke tangan saya aaaa jadi secara sistematiknya benda ni [ini] adalah mudah dan pemain saya cepat mempelajarinya.

**SNMY : Perlukah seseorang itu diajar untuk menekankan semangat kesukanan yang tinggi dalam diri nya?**

**WHWH : Aaaa perlu [perlu] semangat kesukanan tu [itu] mesti ada.**

**SNMY : Kemudian, Apakah kriteria utama pemain pasukan pilihan encik sebelum - diserap masuk?**

**WHWH : Kriteria ea. Biasanya kriteria ni [ini] kita akan tengok daripada aaaa basic setiap seorang pemain tu [itu] lah. Kalo [kalau] *basic* [asas] die ada kita akan aaaa maksud die [nya] die dah ada basic. Bila dah [sudah] de [ada] basic kite boleh mengajar lah. Mengajar die dengan lebih mudah lagi lah. Kalo daripada kosong tu [itu] mungkin kita mengambil masa sikit lah.**

**SNMY : Berapa banyak pasukan yang telah encik latih?**

**WHWH : Aaaa. Setakat ni [ini] saya ada bawak [bawa] enam (6) ea. Enam (6) pasukan sebelum ni [ini]. Ok saya pada tahun aaaa Sembilan belas lapan puluh tujuh (1987) saya pernah menjadi jurulatih sambilan ea. Aaaa untuk mengajar subjek kokorikulum bola tampar di UiTM segamat. Aaaa yang keduanya saya mengajar aaaa pasukan Sime Darby aaaa yang mana pada masa ketika itu Sime Darby mendapat tempat kedua. Pasukan yang ketiga Bank Simpanan Nasional. Bank Simpanan Nasional ni [ini] adalah majikan saya sendiri sambil mengajar jadi jurulatih dan saya bersama main [bermain] lah. Bersama main [bermain] dan untuk pengetahuan aaaa untuk Bank Simpanan Nasional sukan Kementrian Kewangan aaaa tak [tidak] pernah kalah maksud dia [nya] sentiasa johan lah. Kira hebat kan Bank Simpanan, ni [ini] (ketawa). Aaaa ok [baiklah] untuk yang keempat saya pernah bawak [bawa] pasukan FELCRA aaaa yang mana saya melatih sukan FELCRA dalam masa tiga (3) bulan, tiga (3) bulan untuk kejohanan aaaa FELCRA punya kejohanan lah. Aaaa mendapat tempat yang pertama jugak, johan ea. Aaaa yang kelima saya membawa pasukan MISC yang**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

mana pasukan MISC saya melatih selama dua (2) bulan, dua (2) bulan daripada aaa MISC ni [ini] dia tergolong daripada negeri johor, johor ea di Pasir Gudang, Pasir Gudang dan kakitangan nya di KL [Kuala Lumpur]. Aaaa jadi dieorang [mereka] aaaa setiap minggu dieorang berkumpul di Kuala Lumpur dan saya mengajar lah. Ok [baiklah] selama dua (2) bulan aaaa dan kejohanan yang dia [mereka] sertai mendapat tempat pertama juga lah, johor. Aaaa yang keenam ni [ini] aaaa sampai sekarang ni [ini] saya dah [sudah] tujuh (7) tahun bersama dengan aaa pasukan UIA [Universiti Islam Antarabangsa] ea. Universiti Islam Antarabangsa aaaa mengajar pasukan untuk kejohanan MAASUM lah. Aaaa pencapaian terbaik saya aaaa mengajar pasukan MAASUM untuk wanita pada tahun aaaa kalau tak [tidak] silap saya aaaa tahun dua ribu (2000), dua ribu lapan (2008) tak [tidak] silap saya ea pasukan wanita perempuan ea dapat pingat gangsa kalau tak [tidak] silap saya lah. Sebab ni [ini] dah lama kan. Lepas tu [Selepas itu] saya berhijrah mengajar pada pasukan lelaki aaaa dan saya tahun lepas aaaa pasukan lelaki aaaa mendapat tempat yang keempat aaaa sepatutnya aaaa banyak aspek lah kalau segi MAASUM ni [ini] kejohanan Universiti ni [ini] aaaa pasukan UIA ni [ini] orang memang tak [tidak] berapa pandang sangat lah sebab majoritinya yang datang tak [tiada] ada kemahiran dari segi bola tampar. Ok [baiklah] saya lebih suka daripada cabaran ea. Dari cabaran yang mana bila kita (batuk) mengajar pemain tu [itu] aaa kalau sekiranya dia *basic* [asas] nya tak [tiada] ada bila dia berjaya saya rasa itu adalah kejayaan saya lah aaaa sebagai jurulatih untuk aaaa pasukan aaaa Universiti Islam Antarabangsa, UIA ni [ini] untuk mendapatkan keseluruhan pemain menjadikan satu (1) pasukan yang baik mungkin memakan masa yang lama aaa untuk orang kata. Dua (2) tahun tiga (3) tahun tu [itu] susah sukar nak [hendak] dapat sebab setiap individu berlainan kan tak [tidak] sama kan dengan \_ \_ \_ tapi bila kita membawa satu pasukan aaaa sorang [satu] dua yang menonjol naik maksud dia setelah habis belajar aaaa nak [hendak] dapatkan pekerjaan tu [itu] senang dengan adanya aaaa *basic* [asas] bola tampar, sukan dengan orang kata pelajaran pun memuaskan jadi permasalahan kerja itu saya rasa tak [tidak] ada masalah sebab saya sendiri pun pernah menawarkan budak *student* [pelajar] yang saya mengajar aaaa bola tampar ni [ini] bekerja di Bank Simpanan Nasional dan beliau pernah berkerja di bank simpanan nasional selama empat (4) tahun aaaa sebagai aaa *officer* [pegawai] ea, sebabkan kelulusan *degree* [ijazah] kan. Lepas tu [selepas itu] dia berhijrah pula ke jabatan kastam. Yang mana kastam menawarkan lagi. Aaaa jadi ada keuntungannya kalau kita ni [ini] mahir dalam sukan. Kelebihan itu ada.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**SNMY :** Antara pasukan yang telah encik latih seperti UiTM segamat, Bank Simpanan Nasional bagi pendapat encik pasukan mana yang memiliki lebih kelebihan?

**WHWH :** Ok [Baiklah]. Kalau nak [hendak] diikuti lebih kelebihan adalah Bank Simpanan Nasional. Ok[Baiklah] sebab yang saya kata Bank Simpanan Nasional ni [ini] sebab bersama sama saya pun sendiri di bank simpanan nasional pun ada aaaa orang kata sama bermain masa di peringkat aaaa kebangsaan. Tu [itu] saya kata sebagai orang kata Nor Azmi Ismail yang mana sama-sama daripada sekolah dulu. Masa saya sekolah dia bermain untuk negeri Kelantan, saya bermain untuk negeri johor. Aaaa peringkat kebangsaan sama-sama wakil negara dan bersama-sama berhijrah ke Kuala Lumpur dan main pun bersama-sama. Jadi di Bank simpanan Nasional je [sahaja] aaaa kita ada enam (6), enam (6) orang aaaa kebanyakannya veteran lah dah [sudah] dah [sudah] veteran ar [lah] ea pernah mewakili negara. Jadi Bank Simpanan Nasional adalah satu pasukan yang orang kata *complete* [cukup] lah *complete* [cukup] dari segi *aaa player* [pemain] lah pemain bola tampar aaaa sebab pada zaman saya Bank Simpanan Nasional adalah pasukan yang kuat aaaa bila ada terbuka peringkat kebangsaan ataupun aaaa terbuka kejohanan terbuka aaaa persatuan bola tampar Malaysia, Bank Simpanan Nasional kerap masuk ke peringkat akhir dikejohanan kejohanan yang disertai lah.

**SNMY :** Apakah pencapaian tertinggi yang Bank Simpanan Nasional telah perolehi?

**WHWH :** Aaaa. Bank Simpanan Nasional ea tu [itu] saya kata aaaa tak [tidak] pernah kalah lah pada sukan Kementerian Kewangan tak [tidak] pernah tertewas ea. Aaaa johan aaaa nak [hendak] ikutkan dua puluh enam (26) tahun sehingga sekarang. Aaaa saya kerja tak [tidak] pernah kalah lagi aaaa Bank Simpanan Nasional masih mengekalkan kejura...kejuaraan aaaa untuk sukan Kementrian Kewangan.

**SNMY :** Bagaimana encik mencungkil bakat pasukan BSN?

**WHWH :** Aaaa untuk mencungkil ni [ini] biasanya kita akan amik [ambil] pemain pemain baru lah. Pemain pemain baru yang mana latar belakang nya adalah daripada *player* [pemain] aaaa pemain daripada peringkat negeri aaaa itu yang sentiasa ada backup [simpanan] lah untuk aaaa pasukan lah Bank Simpanan Nasional lah.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**SNMYS : Adakah encik rasa pasukan daripada institusi lebih susah daripada pasukan daripada Felcra, Felda dan jabatan BSN?**

**WHWH : Aaaa. Pada saya semuanya sama. Aaaa. Cuma di BSN ni [ini] pemain-pemainnya memang dilahirkan daripada atlet.jadi lebih mudah. Nak [hendak] dibandingkan dengan yang lain lah. Macam Felcra ni [ini] pun ada yang boleh bermain dan ada yang tak [tidak] boleh bermain. Aaaa Macam *student* [pelajar] UIA pun pun sama. Dia[mereka] de [ada] yang leh [boleh] bermain de [ada] yang tak [tidak] boleh bermain. Jadi kena ajar daripada *basic* [asas] lah biasanya.**

**SNMY : Aaaa. Adakah pasukan yang encik latih sekarang ini merupakan pasukan amatur atau pun professional?**

**WHWH : Aaaa. Setakat ini amatur, yang saya ajar ni [ini] amatur.**

**SNMY : Aaaa. Kemudian, pada pendapat encik, yang mana lebih sukar untuk mengajar pasukan amatur ataupun professional?**

**WHWH : Aaaa. Sukarnya memang amatur lah. Amatur ni [ini] sebab dieorang [mereka] ni [ini] orang kata kekurangan. Serba serbi kekurangan. Kalo [kalau] professional nie semuanya dah [sudah] ada. *Basic* [asas] dah [sudah] de [ada] serba serbi dah [sudah] ada. Jadi lebih mudah. Kalau kita mengajar lebih mudah. Jadi kita lebih tekan pada taktikal. Bila daripada amatur ni [ini] kita kena dari *basic* [asas] dari bawah, bawak dia terus ke satu peringkat satu peringkat lah untuk berjaya lah.**

**SNMY : Adakah susah untuk mengendalikan pasukan UIA dibawah kendalian encik?**

**WHWH : Aaaa nak [hendak] ikutkan kalau ikutkan pada peringkat awal tu [itu] memang susah lah. Sebab memandangkan aaaa pemain ataupun aaaa pelajar daripada UIA kebanyakan latar belakang nya tiada *basic* [asas] ea, tiada *basic* [asas] tentang bola tampar. Mereka cuma bermain sahaja maksudnya main sahaja. Jadi bila kita membuat macam saya, saya buatkan satu jadual latihan program untuk apa yang perlu dibuat aaaa jadi alhamdulillah lah yang setakat ni [ini] pemain pemain ataupun pelajar-pelajar saya aaaa ada usaha untuk meningkatkan prestasi mereka sendiri lah kan. Aaaa (batuk) sebagai contoh kalau saya amik [ambil] seminggu tiga (3) kali dengan pasukan UIA ni [ini] aaaa selebihnya yang mana saya tak [tidak] datang mengajar dieorang [mereka] akan buat *weight training* [latihan berat] yang**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

mana saya akan buat satu (1) program aaaa untuk dieorang [mereka] buat sendiri lah dan saya sentiasa pantau aaaa dari segi orang kata *spot check* [pemeriksaan] lah ea. Tentang pemain pemain saya yang mana aaaa adakalanya saya akan buat secara mengejut. Tengok dari segi fizikal dia aaaa dari segi kekuatan tangan dia aaaa apa semua ada tak [tidak] dia buat apa yang saya suruh lah aaaa jadi aaaa disiplin yang ada sekarang ni [ini] yang diterapkan pada pemain pemain saya alhamdulillah setakat ni [ini] budak budak *student* [pelajar] UIA memang begitu mantap lah. Dan sebab tu [itu] pada tahun lepas saya berjaya lah pelajar UIA dapat pergi ke separuh akhir tapi belum ada rezeki lagi untuk dapatkan pingat ea, untuk kejuaraan MAASUM mendapat tempat keempat. Aaaa saya jangkakan tahun ni [ini] yang mana lepas raya ni [ini] ada kejohanan MAASUM di UTM skudai johor. InsyaALLAH saya saya akan buktikan kepada *management* [pengurusan] ea *management* [pengurusan] UIA yang mana saya rasa tahun ni [ini] berhak lah untuk mendapat pingat lah. Apa pun bentuk warna saya tak [tidak] pasti tapi saya akan janjikan yang bahawa tahun ni [ini] UIA mesti dapat pingat

**SNMY : Pada pendapat encik siapakah pihak lawan yang merupakan memberi saingan yang kuat kepada pasukan UIA?**

**WHWH :** Ok [Baiklah]. Untuk kejohanan MAASUM ni [ini] aaaa untuk pasukan yang kuat ea pada saya UiTM sendiri pun pasukan yang kuat UiTM, aaaa UTM , UKM ,UPM, aaaa tu[itu] semua pasukan pasukan yang kuat. Yang mana UPM dia ada sains sukan sedia maklum lah kan aaaa memang daripada budak budak bukit jalil kan memang orang kata berada dekat situ. UiTM kita tak [tidak] boleh pandang rendah sebab UiTM ni [ini] besar dan dia boleh mencungkil bakat bakat pemain-pemain ni [ini] banyak daripada negeri negeri ea. UiTM kita tahu ada Melaka, sabah merata-rata Shah Alam tu [itu] yang besar jadi orang kata ramai orang kata pemilihan pemain tu [itu] lebih mudah kan nak dibandingkan UIA ni [ini] dia sekelompok yang kecil kana aaaa tu [itu] yang berbeza lah ea, dari segi pasukan lah kalau kita nak [hendak] bandingkan.

**SNMY : Apakah kekuatan yang encik rasa UiTM perolehi tidak dimiliki oleh pasukan UIA?**

**WHWH :** Kekuatan UiTM ni [ini] saya yang saya tengok aaaa dia kalau ikutkan dia wajib dari segi kokorikulum wajib. Betul ea aaaa kalau tak [tidak] silap saya wajib. UIA kokorikulum dia tak [tidak] wajib dan dia [ia] tak [tidak] ada dia ada kokorikulum sebab saya pun pernah mengajar UIA kokorikulum tapi berbeza dengan aaa UiTM punya kokorikulum



## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

yang mana UiTM kokorikulum dia [nya] dia ada subjektif untuk *exam* [peperiksaan] ea. *Exam* [peperiksaan] dari segi *exam* [peperiksaan] dan dari segi fizikal kita amik [ambil] dari *point point* [mata] yang pada aaaa pelajar pelajar. Tapi untuk UIA dia [ia] lain. Dia [ia] *exam* [peperiksaan] dia [nya] dan aaa kita bagi dia [mereka] satu (1) peruntukan sebanyak empat (4) ribu dia kena *organise* [menganjurkan] satu (1) *tournament* [pertandingan]. Daripada situ kita menilaikan dia punya segi kokorikulum dia. Berbeza lah dengan UIA.

**SNMY : Apakah kekuatan pasukan UIA bagi encik?**

**WHWH :** Ok [Baiklah]. Kekuatan UIA pada saya aaaa setakat ni [ini] yang saya ngajar [mengajar] adalah dari segi disiplin budak [pelajar]. Ok [baiklah] budak [pelajar]. Pemain-pemain aaaa pelajar pelajar bila berdisiplin jadi pada saya aaaa itu lah kekuatan utama lah orang kata kunci utama bagi pasukan UIA lah.

**SNMY : Jika pasukan kendalian encik UIA memenangi sebarang pencapaian apakah insentif yang diberikan kepada setiap atlet?**

**WHWH :** Ok [Baiklah]. Yang saya tahu ea aaaa daripada aaaa UIA aaaa insentif yang diberi kalau sekiranya mendapat pingat emas aaaa setiap pelajar tak [tidak] perlu membayar yuran, yuran sem [pengajian] yang dia [mereka] ambil lah dia [ia] adalah percuma.

**SNMY : Adakah pasukan dibawah naungan encik pernah memenangi apa-apa kejayaan?**

**WHWH :** Aaaa.yang saya mengajar selama ni aaaa ada cam [macam] Bank Simpanan Nasional, aaaa setiap tahun aaaa kita menang lah juara dalam sukan kementerian kewangan. Aaaa utuk Felca pun aaaa johan dalam sukan aaaa kalau tak silap saya sukan nama sukan die Sukanon lah tak [tidak] silap saya lah. Saya pun kurang pasti lah sebab dah lama kan benda yang saya bawak ni [ini] kan. Kalo UIA ni [ini] setakat pencapaian saya di tempat ke empat (4) lah pada tahun lepas MAASUM.

**SNMY : Apakah jenis kecederaan yang biasa dialami oleh setiap pemain?**

**WHWH :** kecederaan yang biasa ea, kecederaan yang biasa setiap pemain adalah *ankle* [pergelangan kaki] ea *ankle* [pergelangan kaki] aaaa bahu lepas tu [selepas itu] jari. Jari ni [ini] sebab kan kalau kita *blocking* [menghalang] ea, *blocking* [menghalang] kalau kata jari kita tak [tidak] kuat aaaa dia akan jadi jari kita terseliuh lah. Jadi kalau kata pemain pemain

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

*volleyball* [bola tampar] ni [ini] tak [tidak] pernah kena jari tu [itu] orang kata memang tipu. Kerap yang biasanya jari sebab jari ni [ini] untuk *blocking* [menghalang] memang sentuh pada bola. Ok [Baiklah], untuk yang lain fizikal yang lain \_ \_ \_ kaki *ankle* [pergelangan] ataupun bahu adalah pada diri lah. Maksudya diri sendiri. Kalau sekiranya dari segi teknik kita tak [tidak] betul dari segi lompatan mungkin *landing* [pendaratan] tak [tidak] betul mungkin lutut boleh kena kecederaan. *Ankle* [pergelangan] pun sama sebab *landing* [pendaratan] tak [tidak] betul kan. Aaaa itu punca punca dia [ia] lah. Aaa untuk bahu adalah segi *spiking* [renjaman]aaaa *spiking* [renjaman] ni [ini] adalah teknik aaa yang kita *spiking* [renjaman] yang mana kalau kita mesti ada buat *warming up* [panaskan badan]. Ok [Baiklah] kalau kita kekurangan *warming up* [panaskan badan] kecederaan bahu biasa akan berlaku ataupun *cooling down* [sejukkan badan]. Itu, itu dua (2) yang perlu yang wajib lah maksudnya sebelum kita mula *training* [latihan] \_ \_ \_ dan ataupun membuat latihan kita perlu adakan *warming up* [panaskan badan] dan selepas aaaa bermain kita perlu adakan pun *warming down* [cooling down] aaa *cooling down* [sejukkan badan] ea. *Cooling down* [sejukkan badan] yang mana untuk elakkan kecederaan lah bahu aaaa untuk kaki lutut tu [itu] adalah dari segi teknik teknik kita melompat, cara kita melompat cara kita *landing* [pendaratan] aaaa dan faktor kasut pun mungkin boleh main [jadi] faktor lah. Kalau kasut yang tak sesuai pun boleh menyebabkan kita punya lutut kita akan rosak aaaa jadi akan menyebabkan kecederaan.

**SNMY : Antara jenis kecederaan yang biasa dialami yang manakah sentiasa pemain UIA - akan alami?**

**WHWH : Ooo. Biasanya aaaa lututlah. Lutut, sebab teknik lompatan. Pada peringkat awal teknik lompatan kebanyakan aaaa pelajar pelajar ataupun pemain-pemain saya kebanyakannya teknik semua tak [tidak] betul lah. Aaaa jadi aaaa latihan yang diberikan aaaa saya mengajar dengan cara melompat digetah aaaa digetah tau [ya] dulu tau [ya] (ketawa kecil). Aaaa jadi teknik *step* [langkah] tiga (3) *step* [langkah] daripada satu (1) *step* [langkah] dua (2) *step* [langkah] tiga (3) *step* [langkah] dapatkan teknik yang betul jadi *landing* [pendaratan] pun yang betul jadi kecederaan tu [itu] dah tak [tidak] ada lah. Kurang lah.**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**SNMY : Adakah pelanggaran dengan rakan pasukan menjadi faktor utama kecederaan?**

WHWH : Aaaa. Pelanggaran ni [ini] kalau tu [itu] saya cakap teknik. Teknik dari segi lompatan ataupun keghairahan sorang [seseorang] pemain. Kalau keghairahan seseorang pemain tu [itu] mungkin boleh mendapatkan satu pelanggaran yang mana kadang kadang satu (1) bola berebut sampai dua (2) orang kan. Aaaa itu yang boleh menyebabkan kecederaan lah

**SNMY : Adakah encik turut mendapat - ilmu daripada sesiapa yang berpengalaman dalam mengerakkan pasukan encik?**

WHWH : Aaaa. Biasanya ilmu ni [ini] itu lah yang saya kata saya banyak tengok daripada aaa video dan tengok daripada *game-game* [pertandingan] aaa *game* [pertandingan] nie yang pihak lawan punya *game* [pertandingan] yang mana saya bila saya berminat dengan satu- satu pasukan tak kira lah daripada VIET Vietnam ke Indonesia ke Thailand ke dari segi corak permainannya saya akan cuba bawak balik aaaa pada pemain-pemain saya lah.

**SNMY : Kemudian adakah encik ada berkerjasama dengan jurulatih lain dalam melatih pasukan kendalian encik di UIA?**

WHWH : Ada. Saya ada berkerjasama dengan aaaa jurulatih kuala lumpur ea, encik Radha aaaa, dengan jurulatih aaaa kebangsaan (sambil batuk) aaaa encik apa ni [ini] aaaa encik Zul aaaa kita sebagai jurulatih ni [ini] biasanya banyakk berinteraksi lah dan berkongsi lah berkongsi apa dari segi taktikal untuk *player* [pemain] semua lah.

**SNMY : Kemudian, apakah misi utama pasukan dibawah naungan encik untuk mendapatkan sebuah kejayaan?**

WHWH : Aaaa. Misi utamanya untuk mendapatkan kejayaan kena orang kata *teamwork* [berkerjasama] lah. *Teamwork*[berkerjasama] kita de *teamwork* [berkerjasama] ok[baiklah] apa yang kita lalui kita akan berjaya.

**SNMY : Apakah sumbangan pertama encik dalam menjadi jurulatih dan bilakah?**

WHWH : Sumbangan saya yang pertama saya menjadi jurulatih. Aaaa bila saya bawak [bawa] pasukan aaaa Felcra yang pertama saya bawak terus aaaa johan itu yang pertama lah sumbangan pertama saya lah.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**SNMY : Tiadakah sebarang aktiviti atau kempen mengenai sukan ini yang dijalankan?**

**WHWH :** Aktiviti kempen ea sukan ni [ini] saya rasa kurang kat [dekat] Malaysia nie. Aaaa tapi baru-baru ni [ini] saya rasa baru nampak baru nampak lah. Kita tengok pada pengurusan lah. Pihak Pengurusan persatuan bola tampar ni [ini] MAVA ea kalau dieorang aaaa menjalankan kempen yang menyeluruh saya rasa banyak yang minat tentang bola tampar ni [ini] lah.

**SNMY : Adakah Mava merupakan persatuan yang menjadi saluran yang membantu sukan bola tampar ini dikenali ramai?**

**WHWH :** Aaaa. Betul. Mava adalah persatuan bola tampar Malaysia aaaa dibawah MAVA ni [ini] dia ada naungan aaaa daripada negeri negeri. Kalau kata johor nie JAVA. J.A.V.A JAVA ea. Aaaa daripada Johor. Kalau tak [tidak] silap saya dia punya tempat ni [ini] di Batu Pahat dan dia berpindah-pindah. Kadang Batu Pahat ada Muar pun ada kalau Johor lah. MAVA ni [ini] aaaa kalau ikutkan nama dia adalah Malaysia Amatuer ass aaaa Voleyball Association - - -. [MALAYSIA AMATUER VOLEYBALL ASSOCIATION] persatuan bola tampar Malaysia ea (Bunyi ambulans).aaa jadi dengan bantuan bantuan aaaa dari pada persatuan bola tampar Malaysia aaaa kita dapat lah orang kata aaaa sebab aaaa teknik ataupun aaaa mempelajari [belajar] benda-benda yang baru. Adakalanya aaaa undang-undang, undang undang terutama undang-undang ea, undang-undang bola tampar ni [ini] sentiasa bertukar dan jadi saya sebagai jurulatih perlu tahu aaaa apa syarat-syarat tentang permainan ataupun aaa undang undang yang terkini lah MAVA ni [ini] aaa kalau ikutkan nama dia adalah Malaysia Amatuer ass aaaa Voleyball Association - - -[Malaysia Amatuer Voleyball Association] persatuan bola tampar Malaysia ea (Bunyi ambulans) aaaa jadi dengan bantuan-bantuan aaaa dari pada persatuan bola tampar Malaysia aaaa kita dapat lah orang kata aaaa sebab aaaa teknik ataupun aaaa mempelajari [belajar] benda-benda yang baru. Adakalanya aaaa undang-undang, undang-undang terutama undang-undang ea. Undang-undang bola tampar ni [ini] sentiasa bertukar dan jadi saya sebagai jurulatih perlu tahu aaaa apa syarat-syarat tentang permainan ataupun aaaa undang-undang yang terkini lah

**SNMY : Kemudian, adakah aktiviti di bawah MAVA secara percuma?**

**WHWH :** Aaaa memang percuma. Sebab dia dalam sat orang kata dalam bawah naungan MSN kan. Majlis Sukan Negara jadi memang percuma lah benda ni [ini]. Dan aaaa

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

sekarang ni [ini] kalau tak [tidak] silap saya aaaa zaman saya aaaa bola tampar pering aaaa untuk peringkat kebangsaan kita ni [ini] dijadikan anak angkat oleh aaaa Ambank. Ok Ambank sekarang ni [ini] kalau tak [tidak] silap saya majlis perbandaran shah Alam MBSA di bawah anak angkat lah. Pemain-pemain aaaa Malaysia ni [ini] kebanyakan dibawah naungan majlis perbandaran shah alam lah. Maksudnye dia bekerja di sana.

**SNMY : Adakah MAVA selalu menjalankan aktiviti untuk orang-orang luar?**

**WHWH :** Aaaa ada, ada. Diorang [mereka] akan ada buat kejohanan-kejohanan aaaa daripada peringkat-peringkat aaaa ape ni [ini] aaaa terbuka kan. Erm daripada daerah, negeri biasanya dieorang [mereka] akan buat.

**SNMY : Selain MAVA adakah terdapat bantnan daripada pihak luar yang lain untuk membantu encik dalam memperjuangkan sukan bola tampar ini?**

**WHWH :** Aaaa ada. Cam [macam] saya dulu tu [itu] saya kata dulu saya ni [ini] aaaa dibawah aaaa anak angkat aaaa ambank.kan jadi perbelanjaan dari segi *allowance* [elaun] dari segi pemakanan apa semua memang ditanggung lah masa tu [itu] aaaa duit gaji di bank Simpanan Nasional masa tu [itu] bersih lah masa tu [itu] (ketawa).

**SNMY : Kemudian, adakah encik rasa bidang ini memberi manfaat kepada encik dan keluarga?**

**WHWH :** Aaaa. ada. Memang memberi manfaat lah.

**SNMY : Adakah encik berasa puas dan gembira selama menceburkan diri dalam bidang ini?**

**WHWH :** Ya. Memang rasa puas (sambal ketawa kecil) sebab benda yang kalau kita aaaa lakukan bila kita berjaya kan memang orang kata kita rasa puas lah. Terutama bila kita berada di tahap yang kita impikan ar [lah].macam orang kata wakil negara memang daripada kecik[kecik] tu [itu] memang kita tengok tv [televisyen] kalau kita tengok tv [televisyen] kita kan sportman[ahli sukan] sukan, wakil negara dia apa ni [ini] kita rasa minat. Kita pun cuba nak kearah tu [itu] kan. Jadi bila dapat kat [dekat] situ aaaa baru kita tahu lah macam mana situasi bila sebagai atlet sukan ni [ini] lah

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**SNMY : Adakah pencapaian yang masih lagi encik belum capai sepanjang berkecimpung dalam sukan bola tampar ini?**

**WHWH : Erm. Rasa nya tak [tidak] ada. Saya rasa saya puas hati lah setakat ini pe [apa] yang saya ada lah.**

**SNMY : Apakah rancangan encik selepas bersara menjadi jurulatih?**

**WHWH : Erm. Rasanya saya tak [tidak] kan [akan] bersara dari jurulatih selagi saya termampu lah. Sebab saya aaaa suka kata melahirkan pemain-pemain yang mana dia kata daripada bakat yang saya ada saya akan turunkan pada pemain baru lah yang mana yang saya rasa saya boleh menaikkan aaaa pemain pemain ni [ini] ar [lah].**

**SNMY : Bagi pandangan encik apa perbezaan sukan ini dengan sukan-sukan yang lain?**

**WHWH : Aaaa. Sukan bola tampar ni [ini] saya rasa kurang ternama lah kan. Sedia maklum lah memang kurang aaaa memberi pendedahan lah, dan kalau kita tengok dalam publisiti pun bola tampar ni [ini] kekurangan nak [hendak] bandingkan bola sepak kan yang orang kata aaaa number [nombor] satu Malaysia. Bola sepak, badminton kan. Bola tampar ni [ini] memang jauh lah. Masih jauh lagi jadi aaa pada saya kena banyakkkan publisiti lah untuk bola tampar ni [ini] lah.**

**SNMY : Kemudian apakah keistimewaan sukan bola tampar ini?**

**WHWH : Keistimewaan bola tampar ni [ini] aaaa sebab kita kena orang kata kena ada kemahiran dari segi - tangan nak [hendak] kena pantas, cepat kan lepas tu [itu] kaki adalah pergerakan kita. Aaaa jadi kemahiran tu [itu] memang ada lah. Memang satu (sesuatu) seronok lah. Kita dapat main bola tampar ni [ini] memang rasa seronok. Tak [tidak] tak [tidak] semudah yang orang kata boleh main bola tampar. Bola sepak bagi bola semua boleh sepak kan. Tapi kalau bola tampar ni [ini] nak [hendak] suruh nak [hendak] tampar bola pun kadang susah.**

**SNMY : Dimana pula kelemahan sukan bola tampar ini?**

**WHWH : Kelemahan ea kelemahan untuk sukan bola tampaar ni [ini] dari seg dari segi pendedahan lah. Pendedahan-pendedahan pada umum lah aaaa. Itu kelemahan lah tapi setakat ni [ini] saya rasa aaaa banyak anak-anak melayu kan aaaa anak-anak melayu yang**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

- dah pandai main bola tampar ni [ini]. Nak [hendak] bandingkan pada zaman saya yang mana boleh boleh dikira sorang [satu] dua (2) kalau wakil negara tu [itu] ada lah sorang [satu] dua (2). Wakil segamat pun pada masa aaaa sebelum saya dua (2) tiga (3) orang segamat. Tapi pada zaman saya alhamdulillah lah tahun masa tu [itu] segamat kita ada tujuh (7) orang. Semua, semua yang wakili wakil segamat aaaa tujuh (7) orang ada melayu. Bila pergi ke peringkat negeri johor pun sampai ke ada aaaa enam (6) orang melayu. Kalau tak [tidak] sebelum ni [ini] semua sorang [satu] dua (2) orang saja.

**SNMY : Adakah itu kerana kurangnya tokoh tokoh yang menyerlah?**

**WHWH :** Aaaa. Rasanya tokoh tokoh tu [itu] aaaa saya rasa aaaa tak [tidak] juga sebab kan saya rasa dari segi pendedahan lah. pendedahan sukan bola tampar ni [ini]. Bila dia tak [tidak] tak [tidak] diketengahkan. Jadi tu [itu] saya cakap kita tak [tidak] tau [tahu] siapa tokoh tokoh dia. Nak bandingkan sukan lain macam bola sepak itu orang kata Mokhtar Dahari sebagai tokoh bola sepak kan. Jadi Bola tampar ni [ini] kita tak [tidak] leh [boleh] nak [hendak] nampak tokoh sebab kurang pendedahan.

**SNMY : Adakah encik rasa sukan bola tampar ini kurang didedahkan oleh kaum lain selain kaum melayu?**

**WHWH :** Aaaa. Pada zaman saya dulu [dahulu] ya, memang kurang. Permainan ni [ini] banyak pada kaum ci cina ea. Chinese ea aaaa tapi sekarang ni [ini] berbeza kalau kita tengok. Tu [itu] saya kata melayu menguasai pulak. Kalau kita pergi mana mana sekarang ni [ini] aaaa terbuka mana mana kita tengok \_ \_ \_ aaaa orang melayu ni [ini] lebih ramai daripada kaum cina ni [ini]. Dah terbalik lah benda tu [itu] kan. \_ \_ \_ zaman saya zaman sekarang dah terbalik lah.

**SNMY : Boleh encik ceritakan perbezaan atlet muda sekarang dengan atlet dahulu?**

**WHWH :** Ok [baiklah]. Atlet dulu [dahulu] tu [itu] orang kata serba serbi kekurangan. Ok [baiklah] aaaa kalau nak [hendak] kata dulu [dahulu] pun kita \_ \_ \_ saya ni [ini] pun walaupun dibawah naung naungan keluarga angkat apa ni [ini] daripada Ambank kita dapat *allowance* [elaun] pe [apa] semua. *Allowance* [elaun] dulu kit tak sebanyak yang dieorang [mereka] ada sekarang ni [ini]. Kalau sekarang ni [ini] (bunyi ambulans) dari MBSA dieorang [mereka] punya *basic* [gaji asas] pun untuk sebulan dua (2) ribu setengah kan, nak [hendak] bandingkan dulu aaaa cuma empat (4) ratus kan. Empat (4) ratus. Jadi

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

perbezaan tu memang ada lah. Dari segi latihan pun berbeza. Kalau dulu kita ni [ini] aaaa buat latihan *weight* [berat] *training* [latihan] kan (Bunyi ambulans). Pergi gym pun serba kekurangan aaaa nak dibandingkan sekarang ni [ini] yang tu [itu] cakap kan dah [sudah] *complete* [sempurna] kat majlis sukan negara apa semua kan. Dari segi kecederaan pula ada fisio dia kan. Kalau Dulu kita ni [ini] cedera pun semua kena usaha sendiri kan. Aaaa Cuma kalau benda tu serius baru kita pergi ke majlis sukan negara lah, MSN untuk buat rawatan.

**SNMY : Adakah encik rasa atlet sekarang lebih bagus daripada atlet dahulu?**

**WHWH :** ya. Saya rasa sekarang ni [ini] lebih bagus lah sebab dari segi orang kata taktikal, fizikal kan yang yang dah ada kan. Jadi daripada dulu tu [itu] apa-apa semua kena usaha sendiri lah. Sekarang ni [ini] dieorang [mereka] ni [ini] ada aaaa orang kata dieorang [mereka] ni [ini] boleh lebih, lebih maju lah sebab dari segi orang kata ern peralatan ea peralatan untuk latihan apa semua ea serba canggih lah sekarang ni [ini] nak bandingkan yang dulu lah.

**SNMY : Kemudian, pada pandangan encik apa faktor kejayaan seseorang atlet?**

**WHWH :** Ok [Baiklah] faktor kejayaan seorang atlet tu [itu] dia mesti de [ada] disiplin, utama sekali disiplin. Aaaa disiplin tu [itu] yang utama. Kalau disiplin dia [atlet] ada dia [atlet] boleh pergi jauh. Kalau disiplin tu tak ada aaaa setakat tu [itu] je [sahaja] lah tahap dia.

**SNMY : Kebiasaannya, berapa lama seseorang itu akan cukup mahir dengan pasukan bola tampar ini?**

**WHWH :** Ok [Baiklah]. Untuk nak [hendak] mahir dengan bola tampar ni [ini] kan biasanya makan masa juga. Kalau kata daripada *basic* [asas] tak [tidak] ada, orang yang tak [tidak] ada *basic* [asas] nie biasanya akan mengambil masa dalam dua (2) tahun. Dua (2) tahun dia boleh akan mahir lah. Tapi tengok pada teknik ataupun aaaa taktikal yang jurulatih tu [itu] ajar lah. Kalau jurulatih yang boleh nampak apa kekurangan pada pemain ni [ini] dia ambil, ajar fokus daripada situ, saya rasa dalam masa enam (6) bulan dah [sudah] boleh main.

**SNMY : Adakah ia mempengaruhi pada seseorang individu tersebut?**

**WHWH :** Aaaa. Memang ada.



## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**SNMY : Mengapakah sukan bola tampar sukar mendapat tempat untuk dikomersialkan dalam sukan berprestij?**

**WHWH :** Aaaa pada saya sebabkan kekurangan aaaa pendedahan ea. Aaaa pendedahan daripada aaaa *management* [pengurusan] lah maksud saya dari segi pengurusan ok [ya]. Dari segi pengurusan tu [itu] kurang komersialkan pada umum ea. Biasanya aaaa nak [hendak] kata kan aaaa kejohanan bola tampar ni [ini] sentiasa ada, sentiasa ada. Cuma untuk umum tu [itu] tak [tidak] ada. Maksudnya tak [tidak] dihebahkan dalam media ke pe [apa] semua kan, aaaa kalau nak [hendak] ikutkan dalam *local* [tempatan] sahaja aaaa dalam masa sebulan ada dua (2) *tournament* [pertandingan] kejohanan di kuala lumpur lah setiap sebulan ada *tournament* [pertandingan] aaaa tapi ianya terhad, terhad dan kebiasaan kejohanan kejohanan yang kecil kecilan ni [ini] aaa dia ada undang-undang syarat dia [ia] yang mana, pemain kebangsaan tak [tidak] boleh bermain jadi kat [dekat] situ terbatas. Dan daripada situ yang saya lihatlah bila sesuatu kejohanan tu [itu] disekat maksud, maksudnya kalau kata aaaa pemain kebangsaan tak [tidak] boleh bermain jadi macam mana nak [hendak] meningkatkan aaaa pemain pemain lain yang tak [tidak] pernah mewakili negeri ataupun kebangsaan untuk bermain. Kalau di orang [mereka] kata disatukan disatukan saya rasa setiap pemain tu [itu] boleh meningkatkan diri sebab apa dia akan melihat pemain kebangsaan macam mana bermain kan. Dan dari situ boleh mengukur lah dari segi orang kata *level* [tahap] kan. Aaaa *level* [tahap] untuk memajukan diri sendiri lah rasanya sebab kalau zaman saya kita kalau bermain kita akan cuba, cuba bermain dengan orang lebih pandai pada kita baru kita boleh pandai. Jadi bila kejohanan yang kecil kecilan ni [ini] bila dia [ia] terhadkan pada pemain kebangsaan tak [tidak] boleh bermain pemain negeri. Cuma dua (2) orang saya rasa aaaa kat [dekat] situ, ada sikit orang kata tak [tidak] boleh memajukan bola tampar ni [ini].sebab apa yang bermain [atlet] tu [itu] adalah *level* [tahap] taraf sama sama dia sahaja. Aaaa kalau dia membukakan [memberi peluang] benda tu [itu] terbuka saya rasa setiap individu tu [itu] akan cepat lebih mahir dalam bola tampar ni [ini].

**SNMY : Adakah terdapat perlawanan bola tampar antara negeri yang diadakan?**

**WHWH :** Aaaa negeri memang ada setiap tahun memang ada kejohanan peringkat negeri ataupun peringkat kebangsaan aaaa memang ada. Dia [ia] aaaa peringkat negeri tu [itu] aaaa dia [ia] biasanya dalam daerah lah dalam negeri satu satu negeri tu [itu]

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

daerah. Tapi kalau untuk perigkat kebangsaan tu [itu] dia [ia] ada untuk negeri negeri lah. memang setiap tahun memang ada kejohanan.

**SNMY : Mengapakah sukan bola tampar sering dibandingkan oleh ramai pihak dari segi kualitinya?**

**WHWH :** Aaaa. Dari segi kualiti ea. Kualiti, kualiti bola tampar nak dibandingkan. Saya rasa benda ni [ini] erm - tak ada yang membandingkan rasanya. Ada ke orang bandingkan (ketawa kecil).

**SNMY : Sebab apa yang kita tahu bola tampar kurang dikenali. Jadi bila kurang dikenali maksudnya kualitinya juga direndah rendahkan daripada sukan lain?**

**WHWH :** Oooo.

**SNMY : aaa. Jadi, adakah encik rasa sukan bola tampar ini sering dibandingkan oleh ramai pihak dari segi kualitinya. Adakah kualiti bola tampar tidak cukup baik untuk menyaingi kualiti sukan yang lain?**

**WHWH :** Ooo. Kualiti. Saya rasa tak [tidak] juga lah. Sekarang ni [ini] aaaa kalau ikutkan pada tahun sembilan belas sembilan puluh dua (1992) ea sembilan belas sembilan puluh sembilan (1999) kalau tak [tidak] silap saya sembilan belas sembilan puluh sembilan (1999), Sembilan belas Sembilan puluh Sembilan (1999) rasanya kita pernah dapat aaaa pingat gangsa dalam bola tampar, bola tampar pantai pada masa tu [itu] di aaaa SEA Games. SEA Games aaaa di mana saya tak [tidak] pasti aaaa tu [itu] lah pingat pingat gangsa yang pertama lah Malaysia lah. Saya rasa tak ada bezanya lah. Cuma dari segi pendedahan pada umum saja. Kalau orang kata bola tampar ni [ini] sentiasa ada di dalam orang kata televisyen lepas tu [selepas itu] orang kata dikomersialkan saya rasa ramai yang minat dalam bola tampar ni [ini].

**SNMY : Pada pandangan encik sukan bola tampar dan bola tampar pantai yang mana perlu diberi keutamaan dalam dikomersialkan kepada luar negara?**

**WHWH :** Erm, kalau ikutkan saya ea ikutkan saya, bola tampar pantai aaaa. Bukan sebabnya asaa bola tampar pantai ni [ini] dia [ia] main dua (2) orang, berbeza ea dengan di gelanggang. Di gelanggang tu [itu] enam (6) orang kan. Jadi bila dua (2) orang ni

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

[ini] senang dibentuk lah. Dan saya rasa bola aaaa di Malaysia pun yang membawa pingat pun bola tampar pantai. Dan di kelayakkan Asia pun adalah bola tampar pantai.

**SNMY : Pada pendapat encik, adakah atlet sukan bola tampar yang mewakili Malaysia memiliki kualiti yang cukup tinggi?**

**WHWH :** Aaaa. Memang ada. Kualiti tu [itu] memang ada memang cukup tinggi. Sekarang ni [ini] pun kalau kita tengok aaaa *average* [purata] ea, *average* [purata] pemain pemain negara ketinggian semua seratus sembilan puluh (190) keatas. Tu [itu] *average* [purata]. Aaaa pada zaman saya aaaa ketinggian tu [itu] ada orang kata yoyo. Ada tinggi rendah tinggi rendah. Tapi kalau sekarang kalau kita tengok dalam skuad yang pergi ke Singapore ea, setakat ni [ini] di SEA games *average* [purata] dia [ia] seratus sembilan puluh (190) keatas. Tu [itu] adalah *average* [purata] ketinggian lah bola tampar yang orang kata nampak sesuai bila bermain bola tampar.

**SNMY : Encik sebagai jurulatih, adakah encik bersetuju jika kerajaan menghantar atlet-atlet berlatih di luar negara?**

**WHWH :** Ya saya setuju.

**SNMY :** kenapa?

**WHWH :** Sebab dieorang boleh dapat pendedahan yang lebih meluas lagi lah. Aaaa kalau kata dalam negara saja tak [tidak] cukup lah.

**SNMY : Apakah faktor yang encik rasa mereka kurang pendedahan jika mereka berlatih di dalam Malaysia?**

**WHWH :** Ok [Baik], faktor dia [ia] dari segi taktikal memang kekurangan lah. Kalau kita pergi ke luar, luar negara buat latihan, kita banyak dapat aaaa mempelajari dari segi taktikal aaaa lepas tu [itu] dari segi bermacam macam lah yang kita boleh dapat lah daripada negara lain lah.

**SNMY : Jika kita lihat kaum wanita kurang melibatkan diri dalam bola tampar. Apakah punca tersebut?**

**WHWH :** Faktor punca dia [ia] saya rasa dari segi pendedahan lah. Aaaa, nak katakan kekurangan wanita ni [ini] tak [tidak] juga cuma kalau kita kata dari segi kekurangan wanita melayu tu [itu] ya. Aaaa, Memang ada kekurangan. Aaaa mungkin dari segi

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

permainan ni [ini] mungkin ada banyak melompat ke pe [apa] kan. Aaaa tu [itu] pada saya lah. Pandangan saya lah kan. Tapi kalau ikutkan untuk kaum- kaum lain saya rasa tak [tiada] ada masalah.

**SNMY : Selain pendedahan adakah fizikal menjadi faktor sebab kurangnya kaum wanita melibatkan diri dalam bidang sukan bola tampar ini?**

**WHWH : Dari segi fizikal?**

**SNMY : Ya.**

**WHWH : Aaaa. Mungkin juga aaaa, mungkin juga sebab aaaa bila latihan aaaa bola tampar ni [ini] aaaa kalau wanita aaaa kalau wanita untuk melayu lah kan. Melayu biasanya dari segi pakaian lah kan, mungkin titik beratnya pakaian mungkin bila sorang [seseorang] tu [itu] pakai tudung ke apa untuk nak [hendak] melompat ke arah *net* [jarring] tu [itu] ke kurang kesesuaian kan. Aaaa itu faktor dia [ia] lah. Tapi untuk bangsa lain tu [itu] saya rasa kebanyakan tak [tiada] ada masalah lah.**

**SNMY : Adakah latihan juga menjadi faktor kaum wanita kurang melibatkan diri dalam bidang sukan ini?**

**WHWH : Ooo. Tidak juga. Latihan semuanya biasa lah. Kalau tengok aaaa semua sukan pun sama je [sahaja] semuanya kan. Tak [tiada] ada yang apa yang berbeza lah.**

**SNMY : Bagi pendapat encik adakah susah mengajar kaum wanita daripada kaum lelaki?**

**WHWH : Aaaa. Pada saya sama saja [sahaja]. Baik, baik lelaki baik perempuan bendanya sama aaaa yang penting disiplin. Kalau disiplin tu [itu] ada saya rasa tak [tidak] ada masalah.**

**SNMY : Kemudian, apakah pendapat encik jika bidang sukan bola tampar ini tiada pelapis?**

**WHWH : Aaaa kalau tak [tidak] ada pelapis saya rasa tak boleh pergi jauh lagi lah. kalau kata untuk pasukan negara tu [itu] orang kata jauh lah pada nak kata banding dengan negara lain lah. Tapi sekarang ni [ini] aaaa [ini] pasukan negara masih ada lagi pelapis-pelapis lah. Yang mana aaaa kita kalau ikut pada peringkat sekarang ni [ini] aaaa**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

untuk Malaysia kita berada dalam aaaa *ranking* [kedudukan] asia tenggara ea, asia tengara dalam ranking [kedudukan] lima (5) ke bawah lah.

**SNMY : Adakah makan masa untuk mencari pelapis di Malaysia?**

WHWH : Aaaa saya rasa tak [tidak] de [ada] makan masa sebab aaaa pasukan Malaysia ni [ini] dieorang [mereka] ada satu (1) program daripada peringkat aaaa remaja hingga ke senior lah. Aaaa sentiasa bertukar biasanya aaaa dalam masa empat (4) tahun lima (5) tahun akan bertukar. Bertukar orang kata wajah baru lah aaaa untuk pemain-pemain remaja akan diserapkan pada senior.

**SNMY : Apakah kelebihan pasukan remaja daripada pasukan senior?**

WHWH : Aaaa.Ok [baik]. Perbezaan dia [ia], perbezaan dia [ia] aaaa untuk remaja ni [ini] dia [ia] dari segi *speed* [kelajuan] lah. *Speed* [kelajuan] sebab muda, bila muda *speed* [kelajuan] dia [atlet remaja] kepantasan tu [itu] dia [atlet remaja] ada. Untuk senior ni [ini] dari segi pengalaman. Pengalaman die meluas. Itu perbezaan lah antara dua (2) senior dengan remaja.

**SNMY : Adakah sebarang aktiviti atau program untuk pelapis itu dibuat di Malaysia?**

WHWH : Ya. Memang semua pelapis semua memang daripada Malaysia tak [tiada] ada di luar negara. (ketawa kecil)

**SNMY : Kemudian adakah encik rasa sukan bola tampar ini boleh bersaing dan dikenali seperti sukan lain?**

WHWH : Aaaa. Insyaa ALLAH. Saya rasa untuk yang akan datang ni [ini] bola tampar ni [ini] akan boleh pergi jauh lah meemandangkan sekarang ni [ini] kalau kita tengok aaaa di kuala lumpur sahaja ea di kuala lumpur tempat saya sekarang ni [ini] banyak kejohanan kejohanan yang diadakan lah.

**SNMY : Adakah terdapat saluran atau badan yang mengetengahkan sukan ini kepada khalayak ramai?**

WHWH : Ada. Benda ni [ini] ada yang saya katakan tadi aaa yang memainkan faktor utama aaaa semua adalah majlis aaaa MAVA ea, persatuan bola tampar Malaysia dia [ia] aaaa dia [ia] yang mengerakkan aaaa sesuatu program ini lah aaaa yang mana kalau untuk

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

aaaa di kuala lumpur ni [ini] aaaa pada orang kata aaaa KELAVAR., persatuan bola tampar kuala lumpur aaaa dia [ia] yang mengerakkan lah setiap aktiviti ataupun kejohanan kejohanan tak [tidak] kira lah kejohanan tu [itu] besar ke kecil [kecil] ke aaaa setiap tahun biasanya dia [ia] ada dua belas (12) kejohanan yang, yang dia buat dalam masa setahun.

**SNMY : Pada pendapat encik apakah kunci utama dalam pembangunan sukan khususnya di Segamat?**

**WHWH :** Aaaa. Kunci utama segamat ea. Sebab segamat ni sebenarnya dah lama dah saya tinggalkan tau (ketawa kecil). Jadi aaaa kalau dulu tu [itu] aaaa masa zaman saya ea, saya cerita zaman saya di segamat aaaa pengurusan. Aaaa pihak pengurusan. Pihak pengurusan pada zaman saya tu [itu] memang betul betul minat pada bola tampar sebab tu [itu] pada zaman saya aaaa segamat aaaa johan ea. Dalam sejarah kita johan lah aaaa di daerah segamat. Aaaa selama tiga (3) tahun berturut turut. Tu [itu] zaman, zaman saya lah sebabkan pengurusan. Pengurusan yang utama. Kalau pengurusan tu [itu] tak [tidak] berminat pada bola tampar dia [ia] tak [tidak] boleh pergi jauh lah. Bila dia berminat dari segi sumbangan dia dari segi galakan dia aaaa tu [itu] yang bawakkan [menjadikan] satu satu pasukan tu [itu] berjaya.

**SNMY : Apakah pula kunci utama pembangunan sukan bola tampar ini di dalam Malaysia?**

**WHWH :** Kunci utama dia[ia]. Apa ye.(sambil ketawa)

**SNMY : Kalau tadi lebih khusus kepada segamat sebab kurangnya segamat pun kurang pendedahan apa semua. Jadi kalau secara meluas di Malaysia pula apa kunci utama pembangunan sukan ini?**

**WHWH :** Aaaa. kunci utama dia [nya] macam sama tadi lah. Dari segi Pihak pengurusan. Pengurusan itu penting. Kalau kata Malaysia ni [ini] MAVA pengurusan dia yang mainkan peranan dia lah. Aaaa tu [itu] yang membawakan satu pasukan tu [itu] boleh berjaya lah. Kalau pengurusan tu [itu] kurang jadi aktiviti apa semua akan kurang.

**SNMY : Apakah kewajaran sukan ini untuk diteruskan?**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

WHWH : Aaaa. Memang wajarlah sukan ini diteruskan sebab aaaa sukan ni [ini] saya rasa boleh mendapatkan pingat lah, terutama kalau pada sukan asia tenggara ea, aaaa untuk pingat aaaa pingat tu [itu] boleh ada lah maksud dia [nya] boleh diteruskan lah.

SNMY : **Boleh encik kongsikan apakah harapan encik dalam sukan ini?**

WHWH : Ok. Harapan saya aaaa untuk melahirkan aaaa seseorang pemain yang berjaya ea, tu [itu] harapan saya lah. Bila saya mengajar bola tampar ni [ini] ok [ya], jadi saya nak [hendak] tengok ataupun anak saya sendiri berjaya dalam aaaa bola tampar ok [ya]. Aaaa untuk majikan ea majikan saya, saya rasa aaaa setakat ni [ini] telah berjaya lah sebab telah pertahankan kejuaraan selama dua puluh enam (26) tahun aaaa untuk pasukan kementerian kewangan aaaa belum pernah tertewas lagi setakat ini aaaa itu adalah satu pencapaian dan harapan juga dan saya nak [hendak] lihat akan akan datang pun menang kan aaaa ok [ya]. Untuk pelajar saya budak [pelajar] *student* [pelajar] UIA saya mintak [harap] dapatkan pingat lah walaupun tak [tidak] dapat emas ke apa segi pun lah, janji dapatkan pingat untuk sukan MAASUM. Aaaa lagi harapan untuk anak saya sebab saya tahu anak saya ni [ini] kurang berminat tentang bola tampar dia minat cenderung pada aaaa rugby dan olahraga. Jadi saya sebagai bapa saya pun tak [tidak] memaksa aaaa, Cuma harapan saya apa pun jenis sukan yang diceburi saya harap anak saya akan berjaya lah. Harapan saya untuk pasukan negara aaaa kalau boleh dapatkan pingat emas lah untuk sukan SEA Games ea, untuk SEA Games sebab kita tahu Malaysia tak [tidak] pernah dapat pingat emas jadi aaaa harapan saya memang ingin melihat pasukan negara berjaya lah.

SNMY : **Terima kasih. Sekian sahaja wawancara sejarah lisan bersama En. Wan Hadilah Wan Husain pada hari ini.**

# SENARAI SOALAN WAWANCARA



## **7.0 SOALAN SOALAN WAWANCARA**

### **7.1 SOALAN PENGENALAN (ORIENTATION)**

#### **a) Segmen tentang tokoh sukan dan keluarga**

1. Bolehkah encik memperkenalkan diri?
2. Bagaimana pula dengan latar belakang keluarga encik?
3. Apakah latar belakang dalam bidang pendidikan?
4. Apakah latar belakang dalam bidang pendidikan?
5. Adakah terdapat keluarga encik yang terlibat bidang sukan ini?
6. Siapakah yang terlibat?
7. Adik beradik atau anak encik?
8. Apakah sebenarnya cita-cita encik?
9. Siapakah inspirasi utama encik dalam bidang sukan ini?
10. Adakah sukan ini pekerjaan utama encik?
11. Bilakah encik mula melibatkan diri dalam bola tampar?
12. Ada atau tidak sukan lain yang encik pernah libat selain bola tampar?
13. Apakah medium utama untuk orang luar menghubungi encik dalam mendapatkan perkhidmatan encik?
14. Medium lain sebagai contoh mungkin encik ada Facebook?
15. Atau no telefon? Atau laman sosial lain?
16. Adakah medium tersebut 24 jam boleh menghubungi encik atau ada waktu tertentu?

**7.2 SOALAN UMUM (COMMON)**

**b) Segmen tentang sukan bola tampar**

1. Adakah encik tahu sejarah mengenai bola tampar?
2. Siapakah tokoh bola tampar yang tersohor di Malaysia bagi encik?
3. Sejak bila dan bagaimana encik boleh berkecimpung dalam sukan bola tampar?
4. Pada ketika itu adakah rakan-rakan encik turut menyertai encik bermain?
5. Dalam keluarga encik siapakah yang mendorong encik untuk berkecimpung dalam sukan bola tampar?
6. Siapakah atlet dalam Malaysia yang banyak mempengaruhi pemikiran encik?
7. Siapakah idola anda dalam bidang sukan ini?
8. Adakah encik dapat skil permainan bola tampar daripada video atau medium yang lain?
9. Daripada video tersebut, kebiasaannya dari negara Malaysia atau luar negara yang menjadi ilham untuk encik menonton video tersebut?
10. Adakah terdapat pemain-pemain atau pasukan luar negara yang khusus yang selalu encik tonton video mereka?

**c) Segmen tentang pencapaian tokoh sukan**

1. Bilakah pula encik menjadi atlet sukan bola tampar?
2. Apakah pencapaian tertinggi encik?
3. Apakah tahap pencapaian tertinggi encik?
4. Bolehkah encik kongsi pencapaian bermain bola tampar yang sentiasa encik ingat?
5. 'Kelantan Rampas Gelaran'. Berdasarkan tajuk artikel tersebut, yang pernah diterbitkan dalam sebuah surat khabar. Bilakah encik menyertai pasukan bola tampar untuk negeri Kelantan?
6. Apakah faktor yang mendorong encik untuk terlibat sebagai pasukan dibawah negeri Kelantan?
7. Apakah kehebatan encik lihat daripada pasukan Kuala Lumpur semasa encik bermain untuk Kelantan?

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

8. Semasa encik bermain untuk Kelantan, adakah pasukan pemain Kuala Lumpur lebih bagus dari Kelantan?
9. Bagaimana pula dengan pencapaian bermain bola tampar pantai yang sentiasa encik ingat?
10. Apakah jenis-jenis ganjaran yang encik peroleh sama ada dalam bentuk kewangan ataupun bantuan?
11. Apakah perbezaan bola tampar dan bola tampar pantai?
12. Apakah manfaat yang encik peroleh daripada penyertaan luar negara ketika menjadi atlet?
13. Encik dapat penghargaan atau dikenali oleh atlet-atlet lain?
14. Ada atau tidak encik mendapat aaaa pengajaran ataupun dapat belajar sesuatu daripada atlet-atlet lain. Mungkin mereka ada mengajar tentang skil-skil?
15. Sebagai atlet Malaysia, adakah encik rasa corak permainan luar negara berbeza dengan corak permainan pemain Malaysia?
16. Boleh nyatakan apakah resepi kejayaan encik selama berkecimpung dalam bidang ini?

### **d) Segmen tentang aktiviti sukan tokoh**

1. Dimanakah pula tempat yang selalu encik melakukan aktiviti sukan ini?
2. Berapa kali encik berlatih?
3. Adakah encik mengambil berat tentang pemakanan encik demi sukan bola tampar ini?

### **e) Segmen tentang pengalaman semasa menjadi atlet**

1. Pernahkah encik mengalami kecederaan semasa bermain bola tampar?
2. Berapa lama masa untuk pulih dari kecederaan?
3. Apakah halangan terbesar yang dialami selama berada di dalam bidang ini?
4. Adakah masa menjadi halangan terbesar?
5. Apakah kekuatan yang encik miliki semasa bermain bola tampar?
6. Bolehkah jelaskan sedikit tentang skil asas yang penting dalam bola tampar?
7. Apakah skil yang paling sukar di dalam bola tampar untuk encik lakukan?
8. Adakah berbaloi untuk menjadi ahli sukan?

9. Apakah kepuasan yang encik peroleh apabila menceburi bidang ini?

10. Siapakah jurulatih pertama encik semasa menjadi atlet?

**f) Segment tentang pengalaman semasa menjadi jurulatih**

1. Mengapakah encik berminat untuk menjadi seorang jurulatih?

2. Bilakah pula encik menjadi jurulatih untuk yang pertama kali?

3. Adakah encik menjadi jurulatih sehingga sekarang?

4. Pada anggaran encik, sehingga umur berapakah encik akan terus menjadi jurulatih?

5. Adakah encik masih bergiat aktif walaupun sudah menjadi jurulatih?

6. Apakah perbezaan yang encik rasa semasa menjadi atlet dengan menjadi seorang jurulatih untuk sebuah pasukan?

7. Adakah Segamat merupakan tempat pertama encik menjadi jurulatih?

8. Mengapakah tidak menjadi jurulatih di Segamat sahaja? Kenapa perlu pergi ke Kuala Lumpur?

9. Di Kuala Lumpur adakah encik tertumpu pada 1 tempat sahaja untuk menjadi jurulatih?

10. Apakah kelayakan yang ada pada encik sehingga terpilih untuk menjadi jurulatih?

11. Adakah berbaloi untuk menjadi seorang jurulatih?

12. Adakah encik rasa peranan jurulatih sangat memberikan impak yang besar?

13. Jika encik bukan seorang jurulatih, siapakah encik sekarang?

14. Adakah terdapat sebarang kekangan atau masalah kerana encik menjadi pegawai bank dan dalam pada masa yang sama menjadi jurulatih bola tampar?

15. Apakah penekanan utama yang encik terapkan untuk meningkatkan pencapaian sesebuah pasukan?

16. Perlukah seseorang itu diajar untuk menekankan semangat kesukanan yang tinggi dalam diri nya?

**g) Segmen tentang pasukan-pasukan yang telah dilatih oleh tokoh**

1. Apakah kriteria utama pemain pasukan pilihan encik sebelum diserap masuk?

2. Berapa banyak pasukan yang telah encik latih?

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

3. Antara pasukan yang telah encik latih seperti UiTM segamat, Bank Simpanan Nasional bagi pendapat encik pasukan mana yang memiliki lebih kelebihan?
4. Apakah pencapaian tertinggi yang Bank Simpanan Nasional telah perolehi?
5. Bagaimana encik mencungkil bakat pasukan BSN?
6. Adakah encik rasa pasukan daripada institusi lebih susah daripada pasukan daripada Felcra, Felda dan jabatan BSN?
7. Adakah pasukan yang encik latih sekarang ini merupakan pasukan amatur atau pun professional?
8. Pada pendapat encik, yang mana lebih sukar untuk mengajar pasukan amatur ataupun professional?
9. Adakah susah untuk mengendalikan pasukan UIA dibawah kendalian encik?
10. Pada pendapat encik siapakah pihak lawan yang merupakan memberi saingan yang kuat kepada pasukan UIA?
11. Apakah kekuatan yang encik rasa UiTM perolehi tidak dimiliki oleh pasukan UIA?
12. Apakah kekuatan pasukan UIA bagi encik?
13. Jika pasukan kendalian encik UIA memenangi sebarang pencapaian apakah insentif yang diberikan kepada setiap atlet?
14. Adakah pasukan dibawah naungan encik pernah memenangi apa-apa kejayaan?
15. Apakah jenis kecederaan yang biasa dialami oleh setiap pemain?
16. Antara jenis kecederaan yang biasa dialami yang manakah sentiasa pemain UIA akan alami?
17. Adakah pelanggaran dengan rakan pasukan menjadi faktor utama kecederaan?
18. Adakah encik turut mendapat ilmu daripada sesiapa yang berpengalaman dalam mengerakkan pasukan encik?
19. Adakah encik ada berkerjasama dengan jurulatih lain dalam melatih pasukan kendalian encik di UIA?
20. Apakah misi utama pasukan dibawah naungan encik untuk mendapatkan sebuah kejayaan?
21. Apakah sumbangan pertama encik dalam menjadi jurulatih dan bilakah?

**h) Segmen tentang MAVA**

1. Tiadakah sebarang aktiviti atau kempen mengenai sukan ini yang dijalankan?
2. Adakah MAVA merupakan persatuan yang menjadi saluran yang membantu sukan bola tampar ini dikenali ramai?
3. Adakah aktiviti di bawah MAVA secara percuma?
4. Adakah MAVA selalu menjalankan aktiviti untuk orang-orang luar?
5. Selain MAVA adakah terdapat bantuan daripada pihak luar yang lain untuk membantu encik dalam memperjuangkan sukan bola tampar ini?

**i) Segmen tentang kepuasan sebagai seorang atlet**

1. Adakah encik rasa bidang ini memberi manfaat kepada encik dan keluarga?
2. Adakah encik berasa puas dan gembira selama menceburkan diri dalam bidang ini?
3. Adakah pencapaian yang masih lagi encik belum capai sepanjang berkecimpung dalam sukan bola tampar ini?
4. Apakah rancangan encik selepas bersara menjadi jurulatih?

**7.3 SOALAN SPESIFIK (SPECIFIC)**

**j) Segmen tentang pandangan sebagai orang yang berpengalaman**

1. Bagi pandangan encik apa perbezaan sukan ini dengan sukan-sukan yang lain?
2. Adakah keistimewaan sukan bola tampar ini?
3. Dimana pula kelemahan sukan bola tampar ini?
4. Adakah itu kerana kurangnya tokoh tokoh yang menyerlah?
5. Adakah encik rasa sukan bola tampar ini kurang didedahkan oleh kaum lain selain kaum melayu?
6. Boleh encik ceritakan perbezaan atlet muda sekarang dengan atlet dahulu?
7. Adakah encik rasa atlet sekarang lebih bagus daripada atlet dahulu?
8. Pada pandangan encik apa faktor kejayaan seseorang atlet?
9. Berapa lama seseorang itu akan cukup mahir dengan pasukan bola tampar ini?
10. Adakah ia mempengaruhi pada seseorang individu tersebut?
11. Mengapakah sukan bola tampar sukar mendapat tempat untuk dikomersialkan dalam sukan berprestij?
12. Adakah terdapat perlawanan bola tampar antara negeri yang diadakan?
13. Mengapakah sukan bola tampar sering dibandingkan oleh ramai pihak dari segi kualitinya?
14. Pada pandangan encik sukan bola tampar dan bola tampar pantai yang mana perlu diberi keutamaan dalam dikomersialkan kepada luar negara?
15. Pada pendapat encik, adakah atlet sukan bola tampar yang mewakili Malaysia memiliki kualiti yang cukup tinggi?
16. Encik sebagai jurulatih, adakah encik bersetuju jika kerajaan menghantar atlet-atlet berlatih di luar negara?
17. Kenapa?
18. Adakah faktor yang encik rasa mereka kurang pendedahan jika mereka berlatih di dalam Malaysia?
19. Jika kita lihat kaum wanita kurang melibatkan diri dalam bola tampar. Adakah punca tersebut?
20. Selain pendedahan adakah fizikal menjadi faktor sebab kurangnya kaum wanita melibatkan diri dalam bidang sukan bola tampar ini?

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

21. Adakah latihan juga menjadi faktor kaum wanita kurang melibatkan diri dalam bidang sukan ini?
22. Bagi pendapat encik adakah susah mengajar kaum wanita daripada kaum lelaki?
23. Apakah pendapat encik jika bidang sukan bola tampar ini tiada pelapis?
24. Adakah makan masa untuk mencari pelapis di Malaysia?
25. Apakah kelebihan pasukan remaja daripada pasukan senior?
26. Adakah sebarang aktiviti atau program untuk pelapis itu dibuat di Malaysia?
27. Adakah encik rasa sukan bola tampar ini boleh bersaing dan dikenali seperti sukan lain?
28. Adakah terdapat saluran atau badan yang mengetengahkan sukan ini kepada khalayak ramai?
29. Pada pendapat encik apakah kunci utama dalam pembangunan sukan khususnya di Segamat?
30. Apakah pula kunci utama pembangunan sukan bola tampar ini di dalam Malaysia?
31. Apakah kewajaran sukan ini untuk diteruskan?
32. Boleh encik kongsiikan apakah harapan encik dalam sukan ini?



**NAMA INDIVIDU  
YANG TELAH  
DISEBUT**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**8.0 NAMA INDIVIDU YANG TELAH DISEBUT**

<b>Pengiraan Masa</b>	<b>Subjek</b>	<b>Perincian Subjek</b>
10.00 minit	Menceritakan tentang tokoh bola tampar Malaysia	Encik Jais
10.20 minit	Menceritakan tentang jurulatih pertama	Cikgu Azita
12.40 minit	Menceritakan tentang rakan serumah yang juga atlet sukan bola tampar	Norazmi Ismail
13.15 minit	Menceritakan tentang rakan serumah yang dijadikan sebagai idola beliau	Norazmi Ismail
20.15 minit	Menceritakan tentang pengurus negeri Kelantan semasa beliau menjadi atlet untuk pasukan negeri Kelantan	En Yen
38.25 minit	Menceritakan tentang jurulatih pertama	Cikgu Azita
52.15 minit	Menceritakan tentang atlet yang bersama nya bermain di peringkat kebangsaan	Norazmi Ismail
1.05. 10minit	Menceritakan tentang jurulatih lain yang turut bekerjasama dengan beliau mengendalikan pasukan UIA	Encik Radha Encik Zul

# LOG WAWANCARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**9.0 LOG WAWANCARA**

<b>Pengiraan Masa</b>	<b>Subjek</b>	<b>Perincian Subjek</b>
<b>CD 1 Bhgian A</b> 00.45 minit	Latar belakang Tokoh Sukan Segamat.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sejarah kehidupan Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain.</li><li>• Beliau menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang ahli keluarga beliau.</li></ul>
03.00 minit	Ahli keluarga yang juga atlet sukan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau menceritakan tentang adik lelaki dan anak lelaki beliau yang turut merupakan atlet sukan bola tampar dan untuk sukan yang lain.</li></ul>
03.40 minit	Cita-cita.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau menceritakan tentang cita-cita nya untuk menjadi atlet sukan hingga ke peringkat kebangsaan telah pun tercapai.</li></ul>
04.15 minit	Pekerjaan.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pekerjaan utama beliau ialah menjadi pegawai di Bank Simpanan Nasional.</li><li>• Pekerjaan kedua beliau ialah menjadi jurulatih bola tampar.</li></ul>
07.30 minit	Penglibatan diri dalam bola tampar sebagai atlet.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau menceritakan tentang penglibatan nya daripada sekolah, daerah, negeri hingga ke peringkat kebangsaan.</li><li>• Mula berjinak-jinak dengan bermain di hadapan rumahnya sehingga bakatnya dapat dilihat oleh orang lain.</li></ul>
17.20 minit	Pencapaian bola tampar yang diingati.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Beliau menceritakan tentang pengalaman nya bermain daripada tahun 1986 sehingga 2003.</li><li>• Pelbagai jenis Kejohanan telah disertai iaitu bermain dalam negara dan luar negara.</li></ul>

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

23.15 minit	Pencapaian bola tampar pantai yang diingati.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau pernah mewakili negara di Philippines dan berlawan dengan pelbagai negara.</li> <li>• Pernah mengalahkan Australia dan Vietnam pada ketika itu.</li> </ul>
25.15 minit	Perbezaan bola tampar dan bola tampar pantai.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berbeza dari segi ukuran gelanggang, jenis markah yang dikutip setelah membuat serangan dan jumlah langkah untuk melompat.</li> </ul>
28.20 minit	Resepi kejayaan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beliau mengatakan bahawa usaha dari diri sendiri paling penting untuk mendapatkan sebuah kejayaan.</li> </ul>
29.30 minit	Kecederaan semasa bermain bola tampar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah mengalami kecederaan di pergelangan kaki dan paling teruk di bahu.</li> </ul>
35.00 minit	Halangan terbesar yang dialami.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengalami kecederaan merupakan halangan terbesar kerana tidak dapat bersama pasukan untuk berlatih dan sebagainya.</li> </ul>
35.25 minit	Kekuatan yang dimiliki semasa bermain bola tampar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Spiking [merejam] merupakan kekuatan yang dimiliki oleh beliau yang melibatkan aspek kelajuan.</li> </ul>
39.15 minit	Penglibatan diri dalam bola tampar sebagai jurulatih.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah menjadi jurulatih untuk beberapa organisasi seperti UiTM, FELDA, FELCRA.</li> </ul>
41.00 minit	Perbezaan menjadi atlet dengan menjadi seorang jurulatih.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaannya dari segi arahan yang mana atlet menerima arahan manakala jurulatih memberi arahan.</li> </ul>
<b>CD 1 Bhgian B</b> 55.10 minit	Kesukaran mengajar pasukan amatur dan professional.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pasukan amatur lebih sukar untuk diajar kerana tiada skil asas berbanding professional.</li> </ul>

# KRONOLOGI

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN**

---

**10.0 KRONOLOGI (DIARI PENYELIDIKAN)**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Perkara</b>
1.	12 April 2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Perbincangan mengenai pemilihan Tokoh Sukan Segamat.</li><li>• Menyenaraikan calon untuk ditemu bual.</li></ul>
2.	26 April 2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memilih salah seorang pegawai di Jabatan Operasi Perbankan Cawangan Bank Simpanan Nasional di Kuala Lumpur.</li><li>• Menghubungi seorang individu yang bernama Encik Razak untuk mendapatkan nombor tokoh tersebut.</li></ul>
3.	28 April 2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mula menghubungi Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain iaitu tokoh yang telah dipilih melalui nombor telefon peribadi nya.</li><li>• Mula menanyakan serba sedikit mengenai diri tokoh tersebut.</li></ul>
6.	6 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pergi ke sebuah restoran di Segamat untuk perjumpaan pertama kali dengan tokoh.</li><li>• Memulakan sesi suai kenal terlebih dahulu bersama Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain dan memberikan salinan soalan yang akan ditanya.</li><li>• Menetapkan tarikh untuk temu bual formal.</li></ul>
7.	11 Jun 2015	<ul style="list-style-type: none"><li>• Temu bual telah dijalankan di bilik mesyuarat Bank Simpanan Nasional di bangunan TH Selborn, Kuala Lumpur.</li></ul>

# SINGKATAN



### **11.0 SINGKATAN**

Berikut adalah perkataan sebenar untuk singkatan yang terhasil semasa sesi temubual sedang dijalankan di dalam bilik mesyuarat tersebut:

1. SPM = Sijil Pelajaran Malaysia
2. UITM = Universiti Teknologi MARA
3. UIA = Universiti Islam Antarabangsa
4. UM = Universiti Malaya
5. UKM = Universiti Kebangsaan Malaysia
6. UPM = Universiti Putra Malaysia
7. UTM = Universiti Teknologi Malaysia
8. BSN = Bank Simpanan Nasional
9. SEA GAMES = Southeast Asian Games
10. MAASUM = Majlis Sukan Universiti Malaysia
11. SUKMA = Sukan Malaysia
12. MAVA = Malaysia Amateur Volleyball Association
13. JAVA = Johor Amateur Volleyball Association
14. KELAVA = Kuala Lumpur Amateur Volleyball Association
15. MPSA = Majlis Perbandaran Shah Alam
16. MSN = Majlis Sukan Negara
17. MSSN = Majlis Sukan Sukan Negara
18. FELCRA = Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
19. FELDA = Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
20. KL = Kuala Lumpur
21. US = United States
22. USA = United State of America

**RALAT**

### **12.0 RALAT**

Berikut adalah ralat yang terhasil semasa sesi temubual sedang dijalankan di dalam bilik mesyuarat tersebut:

1. Bunyi kerusi
2. Bunyi selakan kertas
3. Bunyi ambulan

# SENARAI RUJUKAN

### **13.0 SENARAI RUJUKAN**

MyBSN: about our history. (n.d). Retrieved from

<http://www.mybsn.com.my/content.xhtml?contentId=231>

Sejarah dan Perkembangan Sukan Bola Tampar | discovery. (n.d). Retrieved from

<https://ardiscovery.wordpress.com/sejarah-sukan-bola-tampar/>

Wan Hadilah Bin Wan Husain, *personal interview communication*. June 11<sup>th</sup>, 2015

Zulazmi Bin Ishak. (2015), Lecturer Notes, Oral Documentation [PowerPoint slides]

# LAMPIRAN

**14.0 LAMPIRAN**



**GAMBAR 1**

Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain menyertai sebuah Kejohanan di Manila, Philipines iaitu XVI Southeast Asian Games bermula daripada 24 November sehingga 5 Disember 1991.



**GAMBAR 2**

Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain menyertai sebuah majlis makan malam bersama pasukan bola tampar nya dan turut dihadiri oleh pasukan bola tampar dari luar negara seperti USA, US dan Vietnam pada ketika itu.

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN



GAMBAR 3

Kelantan rampas gelaran merupakan tajuk sebuah artikel dalam satu surat khabar yang mana mempamerkan nama Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain sebagai pemain di bawah negeri Kelantan telah memenangi perlawanan menentang Kuala Lumpur.

Tahun	Nama Kejohanan	Lokasi
1986	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-20	Kuala Lumpur
1987	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-21	Kuala Lumpur
1988	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-22	Kuala Lumpur
1989	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-23	Kuala Lumpur
1990	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-24	Kuala Lumpur
1991	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-25	Kuala Lumpur
1992	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-26	Kuala Lumpur
1993	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-27	Kuala Lumpur
1994	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-28	Kuala Lumpur
1995	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-29	Kuala Lumpur
1996	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-30	Kuala Lumpur
1997	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-31	Kuala Lumpur
1998	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-32	Kuala Lumpur
1999	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-33	Kuala Lumpur
2000	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-34	Kuala Lumpur
2001	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-35	Kuala Lumpur
2002	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-36	Kuala Lumpur
2003	Kejuaraan Bola Tampar Malaysia Miguu/MAV ke-37	Kuala Lumpur

GAMBAR 4

Ini merupakan carta alir tentang penglibatan Encik Wan Hadilah Bin Wan Husain sebagai atlet sukan bola tampar dari tahun 1986 sehingga 2003 yang mana beliau telah banyak kali menyertai Kejohanan besar di dalam negeri mahupun di luar Negara.



# INDEKS

## **15.0 INDEKS**

### **A**

Amatur	39, 61, 69
Asean School	20
Asia Pasifik	23

### **B**

Bola sepak	17, 18, 46, 47
Boracay Island	23, 25
BSN	16, 38, 39, 61, 73, 77

### **C**

Cita-cita	18, 31, 57, 68
Cikgu Azita	20, 32, 66

### **D**

Digging	20, 22, 30, 36
---------	----------------

### **E**

Encik Jais	20, 66
Encik Yen	24

### **F**

FELDA	20, 32, 39, 61, 69, 73, 82
FELCRA	32, 36, 37, 39, 44, 61, 69, 73
Fizikal	22, 27, 40, 41, 42, 48, 52, 64

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

**G**

Gelanggang 8, 9, 20, 21, 26, 51, 69

Glanical 28, 29

**H**

Hospital Segamat 14, 20, 21

**J**

JAVA 44, 73

Johor 11, 13, 14, 16, 18, 20, 21, 23, 24, 25, 32, 37, 38, 40, 44, 47

Jurulatih 6, 11, 19, 22, 27, 29, 31, 31, 33, 34, 35, 36,37, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 51, 60, 61, 62, 63, 66, 68, 69

**K**

Kebangsaan 17, 23, 28, 43, 45, 49, 50, 68, 73

Kejohanan 6, 8, 18, 20, 23, 25, 27, 28, 37, 38, 40, 45, 49, 50, 54, 68, 79

Kekuatan 30, 40, 41, 59, 61, 69

Kuala Lumpur 6, 23, 24, 25, 28, 33, 37, 38, 43, 49, 54, 58, 59, 60, 71, 73, 80

**L**

Lawan 25, 26, 40, 43, 61, 69

Lompatan 22, 26, 27, 42, 43

**M**

Malaysia 6, 18, 19, 21, 22, 23,25, 27, 29, 33, 38, 44, 45, 46, 50, 51, 53, 54, 55, 58, 59, 63, 64, 66, 73

MSSN 20, 23, 73

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH SUKAN BOLA TAMPAR  
SEGAMAT, ENCIK WAN HADILAH BIN WAN HUSAIN

---

N

Negara	6, 8, 18, 22, 23, 25, 26, 27, 28, 31, 38, 45, 46, 47, 48, 51, 53, 56, 58, 59, 63, 68, 69, 73, 79, 80
Norazmi Ismail	21, 66

P

Persatuan Bola Tampar	25, 38, 44, 54
Philippines	23, 25, 69

R

Rakan-rakan	21, 29, 30, 38
-------------	----------------

S

Sekolah Tinggi Segamat	20, 21
Skil	22, 27, 30, 31, 58, 59, 69

T

Taktikal	22, 27, 31, 39, 43, 48, 51
Tokoh	2, 4, 6, 10, 11, 16, 19, 47, 57, 58, 59, 60, 63, 66, 68, 71

U

UiTM	13, 14, 17, 32, 36, 38, 40, 41, 61, 69, 73
------	--

V

Veteran	33, 38
Video	43, 58

W

Weight Training 27, 28, 40

Z

Zaman 18, 21, 27, 32, 38, 45, 47, 49, 51, 54